



**KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

**CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN**

**PANDUAN  
MENGENAI  
PEMBEKALAN**

## **KANDUNGAN**

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>LATAR BELAKANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) .....</b>	<b>1</b>
<b>LATAR BELAKANG PEMBEKALAN.....</b>	<b>2</b>
Skop Cukai .....	2
Skop Pembekalan.....	3
Balasan.....	6
Jenis Balasan .....	7
Bayaran Yang Mungkin Bukan Balasan .....	8
Deposit .....	10
<b>JENIS PEMBEKALAN.....</b>	<b>12</b>
Pembekalan Bercukai.....	12
Pembekalan Tidak Bercukai .....	13
Pembekalan Dikecualikan.....	13
Pembekalan Di Luar Skop .....	14
Pembekalan Komposit.....	14
Pembekalan Bercampur .....	18
<b>PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN .....</b>	<b>20</b>
Pembekalan Barang .....	20
Pembekalan Perkhidmatan.....	32
<b>PERKARA YANG DISIFATKAN SEBAGAI BUKAN PEMBEKALAN .....</b>	<b>38</b>
Pemindahan Usaha Berterusan.....	39
Kumpulan Wang Pencen, Simpanan Pekerja atau Keselamatan Sosial .....	40
Pembekalan oleh Pertubuhan dan Organisasi Serupa.....	41
Pembekalan Barang Yang Tidak Dibenarkan Kredit Cukai Input .....	43
Penyelesaian Indemniti Insurans.....	44
Pembekalan oleh Pejabat Kedutaan atau Konsul .....	45
<b>TEMPAT PEMBEKALAN .....</b>	<b>45</b>
Tempat Pembekalan Barang .....	46

Tempat Pembekalan Perkhidmatan.....	54
<b>MASA PEMBEKALAN .....</b>	<b>66</b>
Peraturan Am Masa Pembekalan.....	67
Peraturan Spesifik Masa Pembekalan.....	68
<b>NILAI PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN .....</b>	<b>89</b>
<b>PEMBEKALAN MERENTASI PERUBAHAN KADAR ATAU DISKRIPSI .....</b>	<b>89</b>
<b>MAKLUMBALAS ATAU KOMEN .....</b>	<b>93</b>
<b>MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP.....</b>	<b>94</b>

## **PENGENALAN**

1. Panduan ini disediakan untuk memberi bantuan kepada perniagaan dalam memahami perkara berhubung layanan CBP ke atas pembekalan barang atau perkhidmatan.

## **LATAR BELAKANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP)**

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) merupakan satu bentuk percukaian berperingkat ke atas kepenggunaan domestik. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia melainkan barang dan perkhidmatan tertentu yang dikecualikan. CBP ini juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke Malaysia.

3. Pembayaran cukai ini dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Walaupun cukai ini dibayar di semua rangkaian pengeluaran dan pengagihan, ia akhirnya akan dipindahkan kepada pengguna terakhir. Dengan itu, cukai itu sendiri tidak akan menjadi kos kepada pengantara dan tidak akan kelihatan sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Orang berdaftar ini dikehendaki mengenakan CBP ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. CBP yang dikenakan ini dipanggil cukai output. CBP yang dibayar ke atas perolehan barang atau perkhidmatan dipanggil sebagai cukai input. Orang berdaftar dibenarkan untuk menuntut kredit cukai input (ITC) bagi CBP yang dikenakan ke atas pembelian bahan mentah yang digunakan dalam perniagaannya. Mekanisme ini memastikan hanya nilai tambah pada setiap peringkat sahaja yang dikenakan cukai selain daripada mengelakkan cukai dua kali.

## LATAR BELAKANG PEMBEKALAN

### Skop Cukai

5. CBP akan dikenakan dan dilevi ke atas :

- (a) apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di Malaysia, termasuk pembekalan perkhidmatan yang diimport dan apa-apa yang dianggap sebagai pembekalan di bawah Akta; dan
- (b) apa-apa pengimportan barang ke Malaysia.

6. CBP dikenakan ke atas apa-apa pembekalan barang dan perkhidmatan jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (a) dibuat di Malaysia;
- (b) pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan;
- (c) dibuat oleh orang kena cukai; dan
- (d) dibuat dalam perjalanan atau penerusan apa-apa perniagaan yang dijalankan oleh orang kena cukai.

7. Apa-apa pembekalan adalah berada di luar skop CBP jika ia tidak mematuhi semua syarat di atas. Contoh pembekalan berkenaan adalah:

- pembekalan dibuat oleh orang tak kena cukai;
- pembekalan dibuat di luar Malaysia;
- pembekalan tidak dibuat dalam perjalanan atau penerusan perniagaan, misalnya hobi.


8. Peruntukan Akta CBP 20XX tidak terpakai kepada jenis pembekalan berikut:

- (a) pembekalan yang dibuat oleh Kerajaan kecuali jika ditetapkan selainnya oleh Menteri;
- (b) pembekalan oleh badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan berhubung dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan.

9. Pembekalan barang atau perkhidmatan di dalam atau di antara kawasan yang ditetapkan (Labuan, Tioman, Langkawi), kecuali barang dan perkhidmatan terpilih yang ditetapkan sebagai kena cukai, adalah tidak tertakluk kepada CBP.

10. Rajah 1 di bawah menunjukkan skop cukai bagi CBP.

**Rajah 1: Skop Cukai**



### Skop Pembekalan

11. Secara umum, definisi pembekalan untuk tujuan CBP meliputi semua bentuk pembekalan yang melibatkan barang dan perkhidmatan yang dibekalkan untuk mendapat balasan. Apa-apa pembekalan barang dan perkhidmatan tanpa balasan tidak disifatkan sebagai pembekalan melainkan jika ia dianggap sebagai

pembekalan. Contoh pembekalan termasuk jualan, barter, pertukaran, lesen, sewa, pajakan dan hak untuk menggunakan. Balasan yang diterima boleh dalam bentuk wang atau dalam bentuk bukan wang atau kedua-duanya.

12. Pembekalan barang melibatkan pemindahan hak pemilikan barang daripada seseorang kepada seseorang yang lain. "Barang" bermakna apa-apa jenis harta alih dan harta tidak alih seperti jentera, kenderaan dan rumah. Sebagai contoh, seseorang itu membuat pembekalan barang jika dia memindahkan hak milik barang kepada orang lain di bawah perkiraan jualan. Sesuatu pembekalan barang juga termasuk apa-apa aktiviti atau transaksi yang disifatkan sebagai pembekalan barang di bawah perjanjian sewa beli atau pajakan kewangan.

13. Sebarang aktiviti yang bukan pembekalan barang merupakan pembekalan perkhidmatan dan ia termasuk pembekalan perkhidmatan diimport. "Perkhidmatan" bermakna apa-apa jua yang dilakukan atau hendak dilakukan termasuk pemberian atau penyerahan apa-apa hak atau memberi apa-apa kemudahan atau manfaat. Ia mungkin termasuk pemindahan milikan barang tanpa memindahkan hak pemilikan.

14. Pembekalan perkhidmatan diimport berlaku apabila pembekal yang tidak berada di Malaysia memberi perkhidmatan kepada pelanggan di Malaysia yang menggunakan perkhidmatan tersebut di Malaysia bagi tujuan perniagaan. Pembekalan perkhidmatan diimport hendaklah disifatkan sebagai pembekalan kepada atau oleh penerima yang hendaklah mengakaun dan membayar cukai atas pembekalan itu.

15. Pembekalan wang bukan merupakan pembekalan barang atau perkhidmatan melainkan :


- (a) wang kertas atau syiling sebelum ia menjadi sah diperlakukan di Malaysia atau di mana-mana negara lain; atau
- (b) item yang digemari pengumpul, artikel pelaburan atau item yang bernilai numismatik.

16. Secara umumnya, apa-apa barang atau perkhidmatan yang dibekalkan tanpa balasan dianggap sebagai bukan pembekalan dan tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, pembekalan barang atau perkhidmatan :

- (i) tanpa balasan boleh dianggap sebagai pembekalan; atau
- (ii) dengan balasan boleh dianggap sebagai bukan pembekalan.

17. Bagi memudahkan pemahaman, pembekalan dikategorikan kepada pembekalan dan bukan pembekalan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah dan akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam perenggan-perenggan yang berikutnya.

**Rajah 2 : Skop Pembekalan**





## Balasan

18. Balasan termasuk:

- (a) apa-apa bayaran yang dibuat atau akan dibuat, sama ada dalam bentuk wang atau sebaliknya, atau
- (b) apa-apa perbuatan atau perbuatan menahan diri, sama ada secara sukarela atau tidak,

berhubung, sebagai tindak balas kepada, atau untuk dorongan, pembekalan barang atau perkhidmatan, sama ada oleh orang itu atau oleh mana-mana orang lain.

19. Frasa “berhubung, sebagai tindak balas kepada, atau untuk dorongan” bermaksud hendaklah terdapat hubungan langsung antara pembekalan dan balasan, iaitu bagi pembekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat di bawah invoice, kontrak atau perjanjian, hendaklah terdapat balasan diterima atau akan diterima bagi pembekalan itu.

20. Dorongan bermakna memberi sesuatu kepada seseorang supaya ia akan melakukan sesuatu yang lain sebagai balasan.

### **Contoh 1 :**

*Seorang pemain bola sepak ditawarkan sebuah kereta berjenama sebagai dorongan untuk beliau menyertai sebuah kelab. Dalam kes ini, kereta yang ditawarkan adalah balasan yang mendorong pemain untuk menyertai kelab itu. Terdapat hubungan langsung antara perbuatan menyertai kelab dan pemberiankereta.*


### **Contoh 2 :**

*Seorang pemilik restoran menawarkan makanan “percuma” kepada pemandu bas yang membawa penumpang sebagai dorongan untuk membawa pelanggan berpotensi ke premis perniagaannya. Memandangkan makanan tidak diberikan kepada pemandu yang membawa bas kosong, terdapat hubungan langsung antara perbuatan yang membawa penumpang ke kedai makan dan pemberian makanan “percuma”. Balasan di sini ialah makanan “percuma” yang disediakan.*

21. Biasanya, apabila pembekal membuat pembekalan barang atau perkhidmatan kepada penerima, dia menerima balasan terus daripada penerima. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, balasan boleh diterima daripada pihak ketiga. Ini dikenali sebagai pembekalan yang dibuat di bawah perkiraan tiga pihak. Selagi ada perhubungan langsung antara pembekalan dibuat dan balasan yang diberi, wujud pembekalan untuk tujuan CBP.

**Contoh :**

*Angel Sdn. Bhd. (Angel) mengikat kontrak dengan Hypermarket Flora (Flora) untuk menyediakan hamper bernilai RM10,000 kepada pelanggan perniagaannya semasa Tahun Baru Cina. Balasan bagi pembekalan hamper adalah dibayar oleh Angel seperti yang ditetapkan dalam kontrak.*



*Apabila Angel mempunyai kontrak yang mengikatnya dengan Flora untuk membekalkan hamper kepada pelanggan, terdapat pembekalan bercukai yang dibuat oleh Flora kepada Angel kerana terdapat hubungan langsung antara pembekalan yang dibuat dan balasan yang diberikan.*

**Jenis Balasan**

22. Balasan boleh dalam bentuk wang atau bukan wang; atau sebahagiannya dalam bentuk wang dan sebahagiannya dalam bentuk bukan wang.

- (a) Balasan wang termasuk pembayaran secara tunai, cek atau kad kredit, pemindahan bank dan potongan daripada akaun bank.
- (b) Balasan bukan wang adalah barang atau perkhidmatan yang disediakan sebagai bayaran, contohnya transaksi barter (pertukaran barang) atau transaksi pertukaran sebahagian.

## Bayaran Yang Mungkin Bukan Balasan

23. Bayaran diterima tidak merupakan balasan apabila tiada hubungan langsung antara bayaran dan pembekalan atau tiada pembekalan barang atau perkhidmatan bagi bayaran tersebut. Walau bagaimanapun, jika terdapat hubungan langsung antara bayaran dan pembekalan atau jika terdapat pembekalan barang atau perkhidmatan bagi bayaran, maka bayaran itu adalah balasan bagi pembekalan tersebut dan tertakluk kepada CBP.

### **Contoh :**

*Seorang hartawan menderma sejumlah besar wang kepada rumah anak yatim tanpa menerima apa-apa manfaat sebagai timbalbalas. Derma (bayaran) tersebut tidak merupakan balasan kerana tiada pembekalan barang atau perkhidmatan oleh rumah anak yatim kepada penderma sebagai timbalbalas.*

### **(a) Denda dan Caj Penalti**

Jika bayaran merupakan denda atau penalti, maka ia bukanlah suatu balasan. Walau bagaimanapun, jika denda atau penalti sebenarnya adalah suatu balasan tambahan untuk pembekalan dalam memenuhi terma dan syarat perjanjian atau perkiraan, maka ia adalah balasan bagi pembekalan tersebut dan tertakluk kepada CBP. Sebagai contoh, denda yang dikenakan untuk menghukum peletakan kereta secara menyalahi undang-undang bukanlah suatu balasan.

### **Contoh:**

*Seorang polis trafik mengeluarkan saman kepada pemandu yang meletakkan kereta di dalam petak kuning di atas jalan raya. Pemandu itu kemudiannya membayar denda. Bayaran denda untuk hukuman peletakan kereta secara menyalahi undang-undang tidak merupakan suatu balasan kerana tiada pembekalan barang atau perkhidmatan dibuat untuk bayaran denda tersebut.*

Walau bagaimanapun, denda atau caj penalti untuk pemulangan lewat cakera padat DVD yang disewa merupakan suatu balasan bagi pembekalan sewa kerana pelanggan telah melanjutkan penggunaan cakera padat DVD untuk tempoh yang lebih lama.

**(b) Geran**

Jika geran diberi secara percuma dan pemberi tidak dibalas dengan apa-apa manfaat, maka geran itu tidak merupakan balasan bagi apa-apa pembekalan dan dengan itu adalah di luar skop CBP. Walau bagaimanapun, jika pemberi geran dibalas dengan manfaat, maka geran itu dianggap sebagai balasan bagi pembekalan manfaat tersebut. Contohnya, jika suatu geran diberi kepada seseorang penyelidik dan sebagai timbalbalas pemberi geran tersebut menerima hasil penyelidikan semata-mata untuk manfaat dirinya sendiri, maka orang yang menerima geran hendaklah mengakaunkan CBP ke atas perkhidmatan penyelidikan secara inklusif cukai.

**(c) Derma Wang**

Derma wang yang diberikan secara percuma dengan tidak mengharapkan apa-apa pulangan adalah tidak merupakan balasan bagi apa-apa pembekalan. Sebaliknya, jika nama penderma diiklankan dalam akhbar sebagai timbalbalas untuk derma wang tersebut, penderma telah menerima manfaat daripada pendermaannya. Oleh itu, derma wang tersebut merupakan balasan bagi pembekalan manfaat kepada penderma dalam bentuk pengiklanan mengenainya.

**(d) Bayaran Penajaan**

Bayaran penajaan yang melibatkan penaja menerima manfaat yang jelas dikenal pasti sebagai pulangan, sama ada dari segi pengiklanan atau publisiti, adalah merupakan balasan bagi apa-apa pembekalan. Sebaliknya, jika penajaan tidak melibatkan apa-apa manfaat yang boleh dikenal pasti sebagai pulangan, maka bayaran penajaan tidak merupakan balasan bagi pembekalan tersebut.

### (e) Pembiayaan Projek

Perniagaan dan badan kerajaan boleh bersama-sama menaja projek penyelidikan dan pembangunan dengan menyumbang dana untuk projek berkenaan. Akaun dana yang disumbangkan oleh penaja individu adalah bergantung kepada kos projek dan bukannya pada apa-apa manfaat komersial kepada penaja tersebut. Pembiayaan projek dengan cara sedemikian tidak merupakan balasan untuk pembekalan.

### Deposit

24. Deposit, sama ada boleh dikembalikan atau tidak boleh dikembalikan atau dalam bentuk sekuriti yang diberikan berkenaan dengan apa-apa pembekalan barang atau perkhidmatan, tidak merupakan sebahagian daripada balasan untuk pembekalan jika ia tidak menjadi sebahagian daripada pembayaran bagi pembekalan berkenaan. Secara umumnya, kebanyakan pembayaran deposit merupakan balasan kerana akaun deposit yang dibayar oleh pihak yang terlibat dalam kontrak itu bertujuan untuk diimbangi (offset) dengan harga belian sebaik saja pembekalan dibuat. Pembayaran deposit sedemikian termasuk dalam skop CBP dan cukai hendaklah diakaunkan bagi penerimaan deposit.

### Contoh :

*Derby Land Sdn. Bhd. (Derby) menganugerahkan kontrak pembinaan kepada Keira Construction Sdn. Bhd. (Keira). Keira dikehendaki mengemukakan deposit cagaran dalam bentuk jaminan bank sebanyak 5% daripada jumlah kontrak untuk tidak berprestasi. Memandangkan deposit tersebut akan dikembalikan setelah kontrak tamat, ia tidak tertakluk kepada CBP kerana tiada pembekalan dibuat.*

*Keira meminta Derby membuat bayaran pendahuluan bagi mengimbangi (offset) bayaran berperingkat akan datang. CBP dikenakan ke atas bayaran pendahuluan seumpama ini.*

**(a) Deposit Dilucuthak**

Secara umumnya, deposit dilucuthak tidak merupakan balasan bagi sebarang pembekalan kerana ia merupakan bayaran pampasan bagi kerosakan yang disebabkan oleh tidak melaksanakan kontrak atau memungkiri kontrak.

**Contoh :**

*Seorang konsumer membeli satu tong silinder gas memasak (14kg) dari pembekal LPG. Secara kontraknya, selain dari membayar pada harga gas tersebut, konsumer juga perlu membayar deposit ke atas tong silinder gas. Jika konsumer kehilangan tong silinder gas tersebut, deposit yang telah dibayar akan dilucuthak kepada pembekal LPG sebagai pampasan. Sebagai pampasan kerana memungkiri kontrak, bayaran pampasan ini tidak dianggap sebagai balasan kepada suatu pembekalan dan oleh itu bayaran pampasan ini tidak dikenakan CBP.*

Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, deposit masih boleh menjadi balasan untuk pembekalan. Salah satu contoh ialah kontrak penginapan bilik hotel yang memperuntukkan bilik yang ditempah, sama ada ia diduduki atau tidak.

**(b) Deposit Cagaran**

Deposit yang diambil sebagai cagaran, contohnya terhadap pemulangan dengan selamat barang yang disewa atau dipinjam, tidak merupakan balasan untuk pembekalan. Terma kontrak di mana deposit seumpama itu diperlukan akan menyatakan bahawa deposit tersebut akan dikembalikan kepada pelanggan tertakluk kepada pemulangan barang dengan selamat.

**(c) Deposit Pemulangan**

Deposit pemulangan tidak merupakan balasan bagi sebarang pembekalan kerana ia bukan sebahagian daripada pembayaran tetapi pemulangan wang kepada pelanggan disebabkan oleh pembatalan kontrak antara pembekal dan pelanggan.

## JENIS PEMBEKALAN

25. Untuk menentukan sama ada pembekalan tertakluk kepada CBP atau tidak, adalah penting untuk mengetahui pelbagai jenis pembekalan.

### **Pembekalan Bercukai**

26. Pembekalan bercukai bererti pembekalan barang atau perkhidmatan yang berkadar standard atau berkadar sifar. Pembekalan yang dikecualikan tidak merupakan pembekalan bercukai.

#### **(a) Pembekalan Berkadar Standard**

Pembekalan berkadar standard bererti pembekalan bercukai barang atau perkhidmatan yang tertakluk kepada kadar cukai yang positif. Contoh pembekalan berkadar standard ialah jualan hartanah komersil, peralatan perubatan, tekstil dan perabot. Apabila seseorang pembekal yang berdaftar di bawah CBP membekalkan barang atau perkhidmatan yang berkadar standard, dia perlu mengenakan CBP ke atas pembekalannya.

#### **(b) Pembekalan Berkadar Sifar**

Pembekalan berkadar sifar ialah pembekalan bercukai yang tertakluk kepada kadar sifar peratus. Contoh pembekalan berkadar sifar adalah padi, sayur-sayuran segar, haiwan hidup (lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan babi), telur ayam dan telur itik segar dan masin, perkhidmatan antarabangsa dan pengeksporan barang dan perkhidmatan.

Sila rujuk Perintah CBP (Pembekalan berkadar Sifar) 20XX untuk senarai terperinci pembekalan berkadar sifar.

27. Dalam keadaan tertentu, pembekalan bercukai boleh tidak diambil kira bagi maksud CBP iaitu:

- (a) Pembekalan barang atau perkhidmatan di antara ahli kumpulan CBP;
- (b) Pembekalan barang di dalam gudang atau di antara gudang di bawah Skim Penggudangan;
- (c) Pembekalan barang atau perkhidmatan antara pengusaha dan pengendali usaha berkenaan usaha sama CBP;
- (d) Pembekalan barang siap daripada pengilang tol yang diluluskan kepada prinsipal di luar negara atau kepada pembeli tempatan bagi pihak prinsipal di luar negara di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan (ATMS);
- (e) Pembekalan barang atau perkhidmatan dalam menjalankan urusan perniagaan bagi mengendalikan sekuriti atau derivatif di antara ahli dan ahli utama dalam pasaran modal; dan
- (f) Pembekalan barang oleh prinsipal yang merupakan orang kena cukai kepada ejen yang bertindak atas namanya sendiri sebagai pelelong.

### **Pembekalan Tidak Bercukai**

28. Pembekalan tidak bercukai ialah pembekalan barang atau perkhidmatan yang tidak tertakluk kepada CBP.

### **Pembekalan yang dikecualikan**

Pembekalan yang dikecualikan adalah pembekalan yang tidak tertakluk kepada CBP, iaitu tiada CBP dikenakan ke atas pembekalan itu. Contoh pembekalan perkhidmatan yang dikecualikan ialah pengangkutan penumpang domestik untuk orang awam iaitu melalui keretapi, kapal, bot, feri, bas ekspres, bas henti-henti, bas sekolah, bas pengantara, bas pekerja dan teksi (kecuali teksi lapangan terbang dan teksi limosin), tol lebuhraya, perkhidmatan pendidikan swasta dan perkhidmatan kesihatan swasta. Contoh pembekalan barang yang dikecualikan ialah hartanah kediaman, tanah untuk pertanian dan tanah untuk kegunaan umum (bangunan kerajaan dan tanah perkuburan).



Sila rujuk Perintah CBP (Pembekalan Yang Dikecualikan) 20XX untuk mendapatkan senarai terperinci mengenai pembekalan yang dikecualikan.

### **Pembekalan Di luar Skop**

29. Pembekalan di luar skop adalah pembekalan yang tidak berada dalam lingkungan CBP. Oleh itu, CBP tidak dikenakan ke atas pembekalan tersebut.

Contoh pembekalan di luar skop adalah:

- Pembekalan bukan perniagaan;
- Pembekalan barang-barang yang dibuat di luar Malaysia;
- Pembekalan perkhidmatan yang dibuat oleh seseorang yang tidak berada di Malaysia selain daripada pembekalan perkhidmatan yang diimport;
- Perniagaan di bawah ambang pendaftaran CBP;
- Pembekalan Kerajaan kecuali perkhidmatan terpilih yang ditetapkan kena cukai oleh Menteri Kewangan;
- Pembekalan oleh badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan berkenaan dengan fungsi pengawalseliaan dan penguatkuasaan; dan
- Pembekalan barang-barang atau perkhidmatan yang dibuat di dalam atau di antara kawasan yang ditetapkan (Labuan, Langkawi dan Tioman) kecuali barang atau perkhidmatan terpilih yang ditetapkan kena cukai oleh Menteri Kewangan.

### **Pembekalan Komposit**

30. Pembekalan komposit merujuk kepada pembekalan tunggal yang mengandungi lebih daripada satu komponen. Jika pembekalan kelihatan terdiri lebih daripada satu komponen, pembekalan masih di anggap sebagai pembekalan tunggal jika jelas terdapat satu pembekalan keseluruhan yang dibuat dan komponen selebihnya boleh dilihat sebagai penting (integral), sampingan (incidental) atau bersekali (tie-in).

**(a) Elemen Penting**

Ini adalah komponen pembekalan yang penting atau perlu kepada pembekalan secara keseluruhannya. Ujian untuk menentukan sama ada komponen adalah sebahagian dari pembekalan komposit, atau ianya sendiri merupakan pembekalan berasingan, ialah sama ada komponen itu merupakan sebahagian penting daripada apa yang dibekalkan.

**Contoh 1:**

*Sebuah Syarikat Penerbangan membekalkan penerbangan berkadar standard pada satu harga. Ini termasuk pembekalan makanan (katering) dalam penerbangan. Katering disediakan untuk keselesaan dan kemudahan penumpang sebagaimana majalah, kusyen dan lain-lain turut disediakan. Oleh itu, katering adalah penting pada pembekalan utama iaitu penerbangan. Pembekalan penerbangan dalam keadaan ini merupakan satu pembekalan komposit.*

*(Nota: Jika tiket penerbangan yang dijual kepada penumpang oleh syarikat penerbangan tidak termasuk makanan yang dibekalkan semasa penerbangan, pembekalan penerbangan dan pembekalan makanan oleh syarikat itu kepada penumpang dianggap sebagai dua pembekalan berasingan.)*

**Contoh 2:**

*Seorang ejen membekalkan pakej pelancongan yang terdiri daripada tiket penerbangan, bilik hotel, pengangkutan, pemandu pelancong dan lawatan ke pelbagai tempat dengan mengenakan satu harga. Pembekalan tersebut adalah pembekalan komposit di mana pembekalan utama ialah pelancongan dan komponen lain (seperti tiket penerbangan, bilik hotel dan pengangkutan) dilihat sebagai penting atau sampingan kepada pembekalan utama.*

**(b) Elemen Sampingan**

Ini adalah komponen pembekalan yang bersekali dengan pembekalan utama, tetapi umumnya tidak merupakan bahagian yang signifikan pada pembekalan utama. Contoh elemen sampingan adalah manual panduan yang disediakan bersama peralatan elektronik baru, bahan-bahan pembungkusan atau perkhidmatan pembungkusan dan pengangkutan. Suatu elemen sampingan, bagaimanapun, merupakan sebahagian penting daripada keseluruhan pembekalan komposit.

**Contoh 3:**

*Aztec Sdn. Bhd. membeli sebuah kereta daripada penjual kereta. Kontrak bagi pembelian kereta adalah termasuk penghantaran. Dalam kes ini, pembekalan prinsipal adalah barang (kereta) dan pembekalan sampingan adalah perkhidmatan (penghantaran). Penjual kereta ini membuat pembekalan komposit.*

**Contoh 4:**

*Seorang pembekal mengenakan satu harga bagi pembekalan beras dan penghantaran (pengangkutan) dari gudang. Pembekalan ini adalah pembekalan komposit di mana komponen penghantaran dilihat sebagai sampingan kepada pembekalan utama (beras).*

**(c) Elemen Bersekali (Tie-in)**

Ini adalah komponen bernilai rendah yang mengiringi atau bersekali dengan pembekalan utama. Komponen bersekali sentiasa diberi sebagai item percuma. Contoh barang bersekali adalah berus gigi (item percuma) dijual dengan ubat gigi (pembekalan utama), pinggan (item percuma) yang dijual dengan beras dan mainan plastik (item percuma) yang disertakan dalam kotak bijirin.

31. Berikut adalah beberapa petunjuk dalam menentukan sama ada transaksi adalah pembekalan komposit.

- (a) Komponen dijual sebagai satu pakej pada satu harga.
- (b) Komponen diiklankan sebagai satu pakej.
- (c) Komponen yang berbeza tidak boleh didapati secara berasingan.
- (d) Barang dibungkus bersama secara fizikal (contohnya mainan plastik yang disertakan dalam paket bijirin).
- (e) Tidak logik untuk membekalkan sebahagian daripada pakej secara berasingan (contohnya peti sejuk baru dan penghantaran dari gudang).
- (f) Walaupun komponen diletakkan harga secara berasingan, nilai setiap komponen diberikan sewenang-wenangnya.
- (g) Pelanggan menganggap apa yang mereka terima sebagai satu pembekalan, bukan komponen berasingan (contohnya satu pembekalan sut blazer lengkap, bukan pembekalan kain dan perkhidmatan jahitan secara berasingan).
- (h) Komponen yang berbeza merupakan aspek kualiti atau gred pembekalan keseluruhan.
- (i) Komponen yang berbeza adalah penting kepada pembekalan utama. Jika satu atau lebih daripada komponen dikeluarkan, sifat pembekalan utama akan terjejas.
- (j) Sesetengah komponen adalah jelas sampingan kepada pembekalan utama yang boleh dikenalpasti.
- (k) Penyenaraian komponen dalam invoice atau selainnya secara berasingan adalah palsu.

32. Petunjuk di atas adalah tidak lengkap dan bukan muktamad sebagai bukti bagi menentukan pembekalan komposit. Jika sesuatu transaksi itu mempunyai lebih petunjuk, berkemungkinan besar ia adalah pembekalan komposit. Jadual berikut meringkaskan petunjuk kepada pembekalan komposit dan layanan CBP yang berkaitan :

<i>Petunjuk</i>	<i>Pembekalan Komposit</i>
Satu harga, satu invois	✓
Komponen Penting, Sampingan, Bersekali	✓
Pembekalan Dominan	✓
Komponen berlainan -Campuran liabiliti cukai komponen -Pembekalan campuran barang dan perkhidmatan - Kadar cukai yang sama	✓ ✓ ✓
Layanan CBP ke atas pembekalan	Layanan cukai tunggal berdasarkan pembekalan dominan (Sama ada berkadar sifar, berkadar standard atau dikecualikan)

### **Pembekalan Bercampur**

33. Pembekalan bercampur merujuk kepada pembekalan 'berganda' yang mana komponennya sama ada berliabiliti campuran (contohnya berkadar standard dan dikecualikan atau berkadar standard dan berkadar sifar) atau campuran kedua-dua barang dan perkhidmatan. Komponen individu tidak penting (*integral*) antara satu sama lain dan merupakan pembekalan prinsipal secara berasingan. Seorang peniaga membuat pembekalan bercampur apabila beliau mengenakan satu harga secara inklusif untuk beberapa pembekalan barang atau perkhidmatan.

34. Senarai petunjuk berikut mencadangkan suatu transaksi adalah pembekalan bercampur. Namun begitu, senarai petunjuk ini bukan bukti muktamad untuk menyatakan bahawa transaksi tersebut merupakan suatu pembekalan bercampur. Jika sesuatu transaksi itu mempunyai lebih banyak petunjuk tersebut, berkemungkinan besar ia adalah pembekalan bercampur.

- (a) Harga berasingan di mana harga bagi setiap komponen pembekalan yang berbeza disenaraikan berasingan.
- (b) Komponen individu tidak penting (*integral*) antara satu sama lain.
- (c) Satu harga dikenakan untuk pembekalan prinsipal yang berasingan.

- (d) Komponen boleh didapati secara berasingan.
- (e) Terdapat perbezaan masa antara bahagian pembekalan.
- (f) Komponen tidak saling bergantung atau berkaitan.

35. Contoh umum beberapa situasi di mana pembekalan bercampur mungkin berlaku adalah seperti berikut:

Contoh 1:

*Seorang pemaju perumahan menjual rumah kediaman dan membekalkan peti sejuk sebagai hadiah percuma. Ini adalah pembekalan bercampur yang terdiri daripada dua komponen iaitu pembekalan dikecualikan (rumah kediaman) dan pembekalan berkadar standard (peti sejuk). Pembekalan peti sejuk tidak penting (integral) kepada pembekalan rumah tetapi adalah pembekalan berasingan dengan sendirinya kerana kedua-dua komponen boleh didapati secara berasingan dan tidak saling bergantung di antara satu sama lain.*

Contoh 2:

*Sebuah hamper (barang berlainan jenis yang dibungkus bersama) yang mengandungi tepung gandum, makanan dalam tin, gula-gula, coklat berjenama, keropok, kek, minuman bukan alkohol dan jus buah-buahan yang dijual pada satu harga iaitu RM500. Ini adalah pembekalan bercampur yang terdiri daripada komponen berkadar sifar (tepung gandum) dan lain-lain barang berkadar standard. Komponen ini boleh disediakan berasingan dan tidak saling bergantung di antara satu sama lain. Komponen ini juga mampu dibekalkan secara berasingan.*

Contoh 3:

*Sebuah bengkel membaiki kereta membekalkan bateri kereta dan juga perkhidmatan membaiki kereta kepada pelanggan. Apabila ia mengenakan bayaran kepada pelanggan bagi pembekalan perkhidmatan pembaikan dan bateri kereta pada hanya satu harga (inclusive price), ia telah membuat pembekalan bercampur.*

36. Jadual berikut meringkaskan petunjuk pembekalan bercampur dan layanan CBP:

<i>Petunjuk</i>	<i>Pembekalan Bercampur</i>
Satu harga, satu invoice	✓
Komponen Penting (integral), Sampingan ( <i>incidental</i> ), Bersekali ( <i>Tie-in</i> )	x
Pembekalan Dominan	x
Komponen berlainan -Campuran liabiliti cukai komponen -Pembekalan campuran barang dan perkhidmatan	✓
Kadar cukai yang sama	✓
Layanan CBP ke atas pembekalan	Layanan cukai berasingan berdasarkan pembekalan berasingan

## PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN

37. Adalah penting untuk membezakan antara pembekalan barang dan pembekalan perkhidmatan kerana peraturan untuk tempat dan masa pembekalan bagi barang dan perkhidmatan adalah berbeza.

### Pembekalan Barang

#### (a) Pemindahan

(i) Pemindahan keseluruhan harta berbentuk barang

Pemindahan keseluruhan harta yang melibatkan pemindahan hak pemilikan barang adalah suatu pembekalan barang.

**Contoh 1:**

*Rafflesia Bhd (Rafflesia) menjual mesin percetakan kepada Melia Jaya Sdn. Bhd. (Melia). Dengan menjual mesin cetak, Rafflesia telah memindahkan hak pemilikan mesin percetakan kepada Melia. Penjualan mesin percetakan adalah suatu pembekalan barang.*

(ii) Pemindahan milikan barang

Pemindahan milikan barang adalah pembekalan barang apabila pembekal bersetuju untuk memindahkan milikan barang tersebut di bawah suatu perjanjian

- untuk menjual barang itu; atau
- untuk memindahkan hak pemilikan barang pada masa depan.

**Contoh 2:**

*Di bawah suatu perjanjian Jual Beli, Ixora Co. membeli sebuah lot kedai daripada pemaju perumahan dan bersetuju untuk membayar sepenuhnya dalam 6 (enam) ansuran. Milikan lot kedai tersebut diserahkan kepada Ixora Co. setelah ia membayar ansuran pertama tetapi hak pemilikan lot kedai akan hanya diserahkan selepas bayaran penuh dibuat. Urusniaga di atas adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk pada CBP.*

**Contoh 3:**

*Kemayan Sdn. Bhd. telah membeli sebuah trak sampah berharga RM125,000 di bawah perjanjian sewa beli dengan bank. Hak pemilikan trak telah dikaveat oleh bank sehingga syarikat itu membuat bayaran penuh ke atas pinjaman sewa beli. Transaksi sewa beli ini adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk pada CBP.*



**Contoh 4:**

*Sebuah syarikat pajakan telah menyewakan mesin pegorek kepada seorang pelanggan untuk tempoh dua tahun. Syarikat masih mengekalkan hak pemilikan ke atas mesin pegorek itu tetapi pelanggan memiliki mesin pegorek tersebut semasa tempoh sewaan. Pemindahan ini adalah suatu pembekalan perkhidmatan dan tertakluk kepada CBP.*

(iii) Penukaran hak, pemindahan atau penyerahan tanah

Apa-apa transaksi yang melibatkan perubahan hak pemilikan kepada hakmilik (title) tanah adalah suatu pembekalan barang. Ini termasuk pemberian hak, pemindahan atau penyerahan hakmilik tanah. Pemberian hakmilik tanah bermakna pelupusan atau pemindahan kepentingan dalam harta oleh kerajaan. Pemindahan tanah bermakna terdapat perubahan dalam pemilikan hakmilik tanah. Penyerahan tanah pula bermaksud hakmilik untuk se bidang tanah diserahkan kepada kerajaan.

**Contoh 5:**

*Kerajaan negeri telah menukar hakmilik se bidang tanah (500 ekar) di Sepang, Selangor kepada pemaju perumahan untuk membina projek perumahan kos rendah. Penukaran hakmilik tanah adalah suatu pembekalan barang di luar skop oleh kerajaan negeri dan tidak tertakluk kepada CBP.*

**Contoh 6:**

*Cemerlang Bhd telah memindahkan hak pemilikan se bidang tanah komersial kepada anak syarikatnya, Bagus Sdn. Bhd. Urus niaga ini dianggap sebagai pembekalan barang kerana hakmilik tanah telah berubah dari Cemerlang Bhd kepada Bagus Sdn. Bhd dan ia adalah tertakluk kepada CBP.*

**Contoh 7**

*Bright Future Sdn. Bhd telah diarahkan oleh kerajaan untuk menyerahkan se bidang tanah untuk pembinaan lebuhraya. Penyerahan tanah kepada kerajaan adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk kepada CBP.*

**(b) Utiliti dan lain-lain**

Pembekalan elektrik, gas, air, penyejukan, penghawa dingin atau pengudaraan adalah dianggap sebagai suatu pembekalan barang.

**(c) Pemindahan dan pelupusan aset perniagaan**

- (i) Pada umumnya, pemindahan atau pelupusan aset perniagaan adalah suatu pembekalan barang. Pemindahan atau pelupusan boleh dibuat kepada mana-mana orang termasuk pemindah atau pelupus. Ia mungkin atau tidak mungkin melibatkan balasan.

**Contoh 8:**

*Sebuah syarikat insurans melupuskan komputer yang telah digunakan (nilai buku melebihi RM500) dengan memberikannya kepada badan amal. Pelupusan komputer ini adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk kepada CBP.*

**Contoh 9:**

*Syarikat Perabot Star Enterprise, pemilik tunggal, menjalankan perniagaan menjual perabot. Pemiliknya mengambil satu set perabot untuk melengkapkan bilik tidurnya secara kekal. Pemindahan perabot oleh pemilik, sama ada untuk balasan atau tidak, adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk pada CBP.*

**Contoh 10:**

*Kero Sdn. Bhd. (Kero), orang yang berdaftar dengan CBP, meminjamkan 1 juta liter diesel kepada Helix Bhd (Helix), juga orang yang berdaftar dengan CBP, dengan syarat bahawa kuantiti diesel yang sama atau kualiti diesel yang serupa akan dikembalikan kepada Kero dalam tempoh satu minggu. Walaupun Kero membekalkan diesel kepada Helix tanpa balasan, ia masih merupakan pembekalan barang yang tertakluk kepada CBP. Begitu juga, apabila Helix memulangkan 1 juta liter diesel kepada Kero tanpa balasan, ia juga merupakan suatu pembekalan barang yang tertakluk kepada CBP.*

(ii) Pemindahan atau pelupusan aset perniagaan oleh orang yang menjalankan perniagaan adalah bukan suatu pembekalan barang jikaianya dibuat seperti berikut:

- sebagai hadiah yang diberikan dalam perjalanan urusan atau penerusan perniagaan kepada orang yang sama dalam tahun yang sama di mana jumlah kos pemberi hadiah tidak melebihi RM 500; atau
- sebagai hadiah untuk pelanggan sebenar atau yang berpotensi untuk perniagaan, berbentuk sampel industri atau komersial yang biasanya tidak terdapat dalam pasaran untuk dijual kepada orang awam.

Had maksimum hadiah adalah ditetapkan pada RM500 kepada orang yang sama dalam tahun yang sama. Oleh itu, hadiah untuk tujuan perniagaan di mana jumlah kos kepada pemberi hadiah tidak melebihi RM500 adalah bukan pembekalan untuk tujuan CBP.

Contoh hadiah untuk tujuan perniagaan adalah:

- Cawan seramik yang diberikan kepada pelanggan yang membuat pembelian melebihi RM200 dari perniagaan peruncitan.
- Diari dan kalendar yang diberikan kepada pelanggan dan orang ramai.

Tiada had nilai atau kuantiti bagi sampel perindustrian atau komersial yang diberikan kepada pelanggan sebenar atau yang berpotensi. Walau bagaimanapun, sampel tersebut tidak boleh dalam bentuk barang perniagaan yang biasanya dijual kepada orang ramai.

Contoh sebuah sampel perindustrian atau komersial adalah:

- Barang yang ditandakan sebagai sampel dan dalam bentuk saiz yang dikurangkan dari bentuk asal barang yang sedia untuk dijual.
- Replika jentera mempunyai fungsi terhad berbanding dengan spesifikasi sebenar jentera.

Bagi maksud perenggan (c) (ii), orang yang menjalankan perniagaan itu berhak untuk menuntut cukai input ke atas pembekalan atau pengimportan barang tersebut.

(iii) Pemindahan atau pelupusan aset perniagaan oleh orang yang menjalankan perniagaan sama ada untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana pihak lain, bukan untuk balasan, adalah suatu pembekalan barang jika dia (peniaga) berhak menuntut kredit cukai input, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, ke atas pembelian aset perniagaan itu. Jika dia tidak berhak untuk menuntut kredit, maka ianya bukan suatu pembekalan barang.

**Contoh 11:**

*Sebuah syarikat bas henti-henti membuat pembekalan yang dikecualikan iaitu perkhidmatan pengangkutan bas henti-henti. Syarikat tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung daripada pembelian bas kerana ia adalah pembekal perkhidmatan yang dikecualikan sepenuhnya. Apabila syarikat itu kemudian melupuskan bas tersebut tanpa balasan, pelupusan bas (pindahmilik) tersebut secara percuma bukanlah suatu pembekalan barang.*

**Contoh 12:**

*Sebuah syarikat insurans adalah pembekal campuran, iaitu ia membekalkan kedua-dua insurans am (berkadat standard) dan insurans hayat (dikecualikan). Syarikat ini membeli peralatan komputer untuk membekalkan kedua-dua polisi insurans am dan insurans hayat dan dengan itu, berhak untuk menuntut sebahagian (50%) cukai input ke atas pembelian komputer. Beberapa tahun kemudian, syarikat melupuskan peralatan komputer tersebut. Pelupusan peralatan itu, sama ada untuk balasan atau tidak, adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk pada CBP.*

**Contoh 13:**

*Suria Jingga Sdn. Bhd. (Suria), orang berdaftar di bawah CBP, membeli set perabot daripada orang bukan kena cukai. Memandangkan orang bukan kena cukai tidak mengenakan CBP, Suria tidak menanggung sebarang cukai input ke atas pembelian perabot. Apabila Suria kemudiannya melupuskan perabot itu tanpa balasan, ia bukanlah suatu pembekalan barang dan tidak tertakluk kepada CBP. Jika Suria melupuskan perabot dengan balasan, ia adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk kepada CBP.*

- (iv) Pemindahan atau pelupusan aset perniagaan yang melibatkan barang untuk kegunaan peribadi adalah pembekalan barang.

**Contoh14:**

*Seorang peruncit yang berdaftar di bawah CBP adalah dalam perniagaan membekalkan air mineral. Keluarganya telah meminum 100 botol air mineral pada setiap bulan. Pelupusan air mineral untuk kegunaan keluarganya adalah suatu pembekalan barang dan tertakluk kepada CBP.*

**(d) Perubahan penggunaan barang di mana cukai input telah dituntut**

Jika orang bercukai yang dalam perniagaan membuat pembekalan bercukai barang telah menuntut cukai input dan terdapat perubahan pada penggunaan barang tersebut yang menyebabkan barang itu dikecualikan daripada sebarang kredit, penggunaan barang tersebut, sama ada untuk balasan atau tidak, disifatkan sebagai pembekalan barang.

Barang yang dikecualikan daripada kredit cukai input adalah seperti kereta penumpang yang tidak dibenarkan atau disekat daripada tuntutan cukai input walaupun ianya digunakan untuk tujuan perniagaan. Walau bagaimanapun, penggunaan kereta seperti berikut adalah layak untuk kredit cukai input:

- (i) Kenderaan perkhidmatan awam yang dilesenkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 atau Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, atau kenderaan pelancongan yang dilesenkan di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999;
- (ii) Kereta yang dibekalkan kepada atau diimport oleh orang bercukai untuk tujuan disewakan atau dijual oleh orang bercukai yang dilesenkan di bawah Akta Penjual Kereta Terpakai 1946;
- (iii) Kenderaan yang diluluskan untuk tujuan belajar memandu oleh sekolah atau institusi memandu yang dibenarkan di bawah Peraturan Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992;
- (iv) Kereta yang merupakan sebahagian daripada stok dalam perniagaan pengilang atau penjual kereta;
- (v) Kereta yang digunakan semata-mata untuk tujuan perniagaan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam seperti kereta uji pandu dan kereta peronda lebuhraya.

**Contoh 15:**

*Lexus Motors Sdn. Bhd adalah sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan menjual kereta. Syarikat membeli 50 buah kereta untuk dijual dan menuntut cukai input ke atas pembelian tersebut. Syarikat itu memutuskan, selepas mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Kastam, untuk mendaftarkan*

salah sebuah kereta tersebut sebagai kereta uji pandu untuk orang berpotensi menjadi pelanggan. Kereta uji pandu itu adalah dalam kategori kereta yang mana cukai input tidak dikecualikan dari apa-apa kredit. Ini adalah disebabkan kereta itu diguna semata-mata bagi tujuan perniagaan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Penggunaan kereta uji pandu tidak tertakluk kepada CBP tetapi penjualan kereta tersebut kemudiannya adalah tertakluk kepada CBP.

**Contoh 16:**

GS Limosin Sdn. Bhd. menukar salah sebuah limosinnya sebagai kereta syarikat untuk pekerjanya menghadiri mesyuarat. Syarikat itu telah pun menuntut cukai input yang ditanggung daripada pembelian limosin. Penggunaan kereta itu adalah suatu pembekalan dan tertakluk kepada CBP. GS Limosin telah mengubah tujuan asal penggunaan limosin dan menyebabkan kredit cukai input tidak dibenarkan.

**Contoh 17:**

ABC Rent-a-Car Sdn. Bhd. membeli sebuah kereta untuk digunakan sebagai kenderaan sewa dan pandu untuk pelanggannya. Apabila tempoh permit yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat tamat, syarikat itu memutuskan untuk memberikan kereta tersebut kepada salah seorang pengurus kanannya sebagai penghargaan. Syarikat itu perlu mengakaunkan CBP ke atas kereta tersebut kerana ianya merupakan suatu pembekalan barang.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan CBP ke atas Cukai Input** untuk menentukan sama ada cukai input ke atas kereta penumpang dibenarkan atau tidak.

**(e) Barang dijual untuk melangsaikan hutang**

Seorang pemiutang boleh mengaturkan untuk menjual barang (aset perniagaan) yang dimiliki oleh penghutang bagi melangsaikan hutangnya. Barang yang dimiliki semula oleh pemiutang daripada penghutang adalah bukan suatu pembekalan. Pelupusan barang yang dibuat oleh pemiutang dianggap sebagai pembekalan yang

dibuat oleh penghutang. Jika penghutang itu adalah orang bercukai dan pemiutang bukan orang bercukai, pemiutang perlu mengeluarkan dokumen yang boleh dianggap sebagai invois cukai bagi pembekalan yang dibuat dan beliau dikehendaki untuk mengakaun dan membayar cukai output. Jika kedua-dua penghutang dan pemiutang adalah orang bercukai, pemiutang hendaklah mengeluarkan invois cukai dan mengakaun serta membayar cukai output. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP ke atas Pengambilan Semula.***

Pembekalan di atas adalah di luar skop CBP jika:

- (i) penghutang bukan orang bercukai;
- (ii) aset tersebut tidak merupakan sebahagian daripada aset perniagaan penghutang; atau
- (iii) aset tersebut terdiri daripada aset penghutang, yang merupakan orang bercukai, yang tidak dibenarkan sebarang kredit cukai input semasa pembelian aset tersebut.

**Contoh 18:**

*ZZ Sdn. Bhd. (ZZ) yang berdaftar dibawah CBP telah membeli peralatan elektrik di bawah perjanjian sewa beli yang dibiayai oleh sebuah syarikat sewa beli. Apabila ZZ gagal dalam pembayaran ansurannya, barangnya itu ditarik balik oleh syarikat sewa beli tersebut yang kemudian menjual barang berkenaan melalui tender untuk mendapatkan apa-apa hutang yang terhutang oleh ZZ. ZZ sebagai pemilik yang berdaftar dengan CBP, dianggap sebagai membuat pembekalan barang dan barang yang dijual adalah tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, syarikat sewa beli adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan cukai ke atas barang yang dijualnya. ZZ tidak perlu mengakaunkan cukai tersebut.*

**Contoh 19:**

*ASA Enterprise, yang berdaftar di bawah CBP, membeli sebuah kereta melalui perjanjian sewa beli. Walau bagaimanapun, syarikat tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung daripada pembelian kereta*



*kerana ia tidak layak untuk sebarang kredit. Pada tahun ketiga perniagaan, ASA Enterprise gagal untuk membayar ansuran kereta. Akibatnya, kereta itu ditarik balik oleh syarikat sewa beli. Memandangkan ASA Enterprise tidak berhak untuk menuntut cukai input bagi pembelian kereta tersebut, pembekalan kereta oleh syarikat sewa beli adalah di luar skop pembekalan.*

**(f) Berhenti menjadi orang berdaftar**

Apabila seseorang berhenti didaftarkan di bawah CBP, orang itu akan memegang barang-barang seperti bahan mentah, produk (barang siap), stok dagangan, tanah, loji dan jentera pada masa pembatalan pendaftaran di mana cukai input atas barang-barang ini telah dituntut. Kesannya, orang yang dibatalkan pendaftarannya memegang barang-barang yang bebas daripada CBP. Selaras dengan prinsip CBP, orang itu dianggap membuat pembekalan barang yang merupakan sebahagian daripada aset perniagaannya pada masa pembatalan pendaftaran. Orang itu dikehendaki untuk mengakaun dan membayar CBP ke atas pembekalan barang tersebut jika ianya berkadar standard.

**Contoh 20:**

*Encik Doe adalah peruncit yang berdaftar di bawah CBP. Memandangkan perniagaannya merosot sejak tahun lepas, beliau telah memutuskan untuk menutup perniagaan dan bersara. Semasa pembatalan pendaftarannya, Encik Doe mempunyai barang di tangan bernilai RM5,000. Dengan itu, Encik Doe perlu menunjukkan dalam penyata CBP terakhirnya pembekalan yang dibuatnya semasa tempoh bercukai akhir dan ditambah dengan RM5,000 nilai barang yang berada ditangannya semasa pembatalan pendaftaran CBP.*

Pembekalan yang dianggapkan (deemed supply) adalah terhad kepada barang yang mana seseorang itu telah menuntut cukai input. Walau bagaimanapun, tiada pembekalan yang dianggapkan berlaku sekiranya:

- (i) perniagaan tersebut dipindahkan sebagai usaha berterusan kepada orang bercukai yang lain;

- (ii) perniagaan tersebut dijalankan oleh wakil peribadi yang menguruskan estet atau yang meneruskan perniagaan orang bercukai yang telah meninggal dunia, menjadi muflis atau tidak berupaya, atau disenaraikan di bawah likuidasi atau penerimaan;
- (iii) perniagaan tersebut boleh membuktikan bahawa barang yang berada dalam milikan adalah diperolehi daripada orang yang tidak berdaftar dibawah CBP; atau
- (iv) perniagaan boleh membuktikan bahawa tiada kredit bagi cukai input telah dibenarkan pada barang yang berada dalam milikan, berkenaan dengan:
  - barang yang disekat dari cukai input;
  - barang yang diperolehi dari skim margin; atau
  - barang yang diperolehi untuk membuat pembekalan yang dikecualikan sepenuhnya;dan bahawa barang itu tidak diperolehi daripada perniagaan yang dipindahkan kepadanya sebagai usaha berterusan oleh orang bercukai yang lain.

**Contoh 21:**

*ABC Sdn. Bhd. yang berdaftar dibawah CBP memperoleh sebuah mesin memproses mee pada 2.1.2015 daripada Mee Sim Enterprise (MSE) yang tidak berdaftar dibawah CBP. Selepas menggunakan mesin tersebut melebihi 2 tahun, ABC berhenti menjadi orang bercukai dan berhenti berdaftar dibawah CBP pada 28.1.2017. Mesin tersebut yang masih berada dalam milikan ABC pada ketika ianya berhenti sebagai orang bercukai adalah tidak dianggap sebagai pembekalan olehnya.*

**Contoh 22:**

*DZ Enterprise, yang berdaftar dibawah CBP, memperoleh sebuah kenderaan penumpang untuk tujuan perniagaan pada 2.1.2015. Dia tidak dibenarkan menuntut cukai input yang dikenakan oleh pembekalnya kerana kereta adalah tertakluk pada senarai barangan yang disekat cukai input. Kemudiannya, DZ berhenti menjadi orang bercukai dan berhenti menjadi orang berdaftar pada 31.3.2017. Dalam kes ini, memandangkan kereta tersebut juga tidak diperolehi melalui suatu pemindahan usaha berterusan daripada orang bercukai yang*

*lain, kereta yang masih berada dalam milikan pada ketika ianya berhenti berdaftar dibawah CBP adalah tidak dianggap sebagai pembekalan olehnya.*

**Contoh 23:**

*PD Enterprise, orang bercukai dibawah CBP, memperolehi kenderaan penumpang terpakai untuk tujuan perniagaan pada 2.1.2015. Dia tidak dibenarkan menuntut cukai input yang dikenakan oleh pembekalnya kerana kereta tersebut diperolehi dibawah skim margin CBP. Kemudiannya, PD berhenti menjadi orang bercukai dan berhenti menjadi orang berdaftar pada 31.3.2016. Dalam kes ini, memandangkan kereta tersebut juga tidak diperolehi melalui suatu pemindahan usaha berterusan daripada orang bercukai yang lain, kereta yang masih berada dalam milikan pada ketika ianya berhenti berdaftar dibawah CBP adalah tidak dianggap sebagai pembekalan olehnya.*

**Contoh 24:**

*Cover Enterprise (CE) yang berdaftar dibawah CBP merupakan pembekal insurans am yang bercukai dan insurans nyawa yang dikecualikan dibawah CBP. Pada 2.1.2015, CE memperolehi sebuah komputer untuk tujuan perniagaan bagi membekalkan insurans nyawa. Dia tidak dibenarkan menuntut cukai input yang dikenakan oleh pembekalnya kerana komputer tersebut diperolehi untuk tujuan pembekalan insurans nyawa sepenuhnya. Kemudiannya, CE berhenti menjadi orang bercukai dan berhenti menjadi orang berdaftar pada 31.3.2016. Dalam kes ini, memandangkan kereta tersebut juga tidak diperolehi melalui suatu pemindahan usaha berterusan daripada orang bercukai yang lain, kereta yang masih berada dalam milikan pada ketika ianya berhenti berdaftar di bawah CBP adalah tidak dianggap sebagai pembekalan olehnya.*

## **Pembekalan Perkhidmatan**

38. Pembekalan perkhidmatan adalah sesuatu yang dibuat untuk balasan, selain daripada pembekalan barang. Contohnya, seseorang itu membuat pembekalan perkhidmatan jika dia:

- (a) meminjamkan barang kepada orang lain;
- (b) menyewakan barang kepada orang lain;
- (c) menyewa belikan barang kepada orang lain;
- (d) merawat atau memproses barang-barang orang lain;
- (e) menggunakan barang yang dimiliki oleh perniagaan untuk tujuan selain daripada perniagaan;
- (f) menganugerahkan atau menyerahkan hak untuk balasan;
- (g) menyerahkan hak untuk menggunakan paten atau hak cipta kepada orang lain;
- (h) menyediakan perkhidmatan telekomunikasi, perundingan, kesihatan dan pendidikan, pembaikan dan penyelenggaraan dan pengubahsuaian;
- (i) menyediakan penginapan hotel.

(39) Tambahan pada contoh di atas, perkara berikut juga disifatkan sebagai pembekalan perkhidmatan:

**(a) Pemindahan pegangan harta benda dan hartanah yang tidak boleh dibahagikan**

Pegangan harta benda dan hartanah yang tidak boleh dibahagikan merujuk pada harta benda dan hartanah yang dimiliki oleh lebih daripada satu orang. Apabila seorang pemilik harta benda dan hartanah memutuskan untuk menjualkan bahagiannya dalam harta benda dan hartanah tersebut, ini adalah satu pembekalan perkhidmatan. Apabila kesemua pemilik harta benda dan hartanah itu menjual harta benda dan hartanah tersebut, ianya adalah suatu pembekalan barang.

**Contoh1:**

*Jon, Ron dan Don berkongsi milik sebuah rumah kedai di bawah satu hakmilik. Jon menjual bahagiannya kepada Don. Oleh itu, Jon telah memindahkan pegangan bahagian milikannya kepada Don. Pemindahan ini adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**(b) Pemindahan milikan barang yang tidak melibatkan pemindahan hakmilik**

"Milikan" bermakna mempunyai kawalan ke atas barang dan mempunyai kemudahan segera untuk kegunaan mereka. Milikan dipindahkan apabila penggunaan barang diberi kepada pihak yang lain, contohnya apabila barang

disewa beli. Setelah tamat tempoh yang dipersetujui, barang itu akan dikembalikan kepada pemilik, yang masih mengekalkan hak pemilikan ke atas barang berkenaan semasa tempoh penggunaan. Dalam erti kata lain, sekiranya tiada pemindahan hakmilik harta benda atau hartanah, ia adalah suatu pembekalan perkhidmatan.

**Contoh 2:**

*Sebuah syarikat pemajakan memajakan sebuah jentolak kepada seorang pelanggan untuk tempoh dua tahun. Syarikat masih mengekalkan hak pemilikan jentolak tersebut tetapi pelanggan mempunyai milikan jentolak semasa tempoh pajakan. Aktiviti pemajakan ini ialah suatu pembekalan perkhidmatan kerana ia hanya melibatkan pemindahan milikan dan bukan pemindahan hakmilik.*

**Contoh 3:**

*Avira Property Sdn. Bhd. telah memeterai satu perjanjian untuk memajak sebuah hartanah komersial kepada Greene Lakes Sdn. Bhd. untuk tempoh 5 tahun. Pemajakan hartanah komersial adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**(c) Rawatan atau pemprosesan**

Sebarang rawatan atau pemprosesan ke atas barang orang lain adalah suatu pembekalan perkhidmatan.

Rawatan melibatkan pengubahan sifat barang, misalnya, rawatan haba dan pembagasan pasir (sand-blasting). Manakala pemprosesan melibatkan tindakan berterusan, operasi atau siri perubahan dalam pengeluaran barang-barang seperti memvarnis, mengecat, membentuk dan memasang. Selagi aktiviti rawatan atau pemprosesan dilakukan ke atas barang orang lain, ianya adalah suatu pembekalan perkhidmatan.

**Contoh 4:**

*XYZ Tools Sdn. Bhd menghantar peralatan mereka ke Mercury Sdn. Bhd. untuk rawatan haba bagi proses pengerasan. Rawatan haba yang dilakukan*

*oleh Mercury Sdn. Bhd. adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**Contoh 5:**

*New Glass Sdn. Bhd menghantar kaca ke Banyan Sdn. Bhd. untuk rawatan haba bagi menghasilkan kaca kalis pecah. Rawatan haba yang dilakukan oleh Banyan Sdn. Bhd. adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**Contoh 6:**

*Iron Works Bhd menghantar pagar besi tempa kepada Chemical Works Sdn. Bhd. untuk rawatan kimia bagi menghasilkan pagar tahan karat. Rawatan kimia yang dilakukan oleh Chemical Works Sdn. Bhd. adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**Contoh 7:**

*KRM Furniture Sdn. Bhd menghantar set meja makan separuh siap kepada SSV Varnishing Sdn. Bhd. untuk proses memvarnis. Kerja memvarnis yang dilakukan oleh SSV Varnishing Sdn. Bhd. adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**(d) Penggunaan Aset Perniagaan**

Pada umumnya, tiada pembekalan berlaku apabila barang yang diperolehi oleh seseorang itu digunakan untuk tujuan perniagaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya barang itu adalah :-

- (i) untuk kegunaan persendirian atau peribadi; atau
- (ii) digunakan untuk tujuan selain daripada perniagaan; atau
- (iii) disediakan untuk kegunaan orang lain tetapi tidak dilakukan dalam urusan atau penerusan perniagaan pemilik barang

ianya adalah suatu pembekalan perkhidmatan sama ada terdapat balasan atau tidak.

Sekiranya penggunaan atau penyediaan barang untuk kegunaan orang lain seperti tertera di perenggan (i), (ii) dan (iii) dibuat tanpa balasan dan pada masa yang sama, orang itu (pemilik) tidak layak menuntut kredit cukai input, maka ianya bukanlah suatu pembekalan perkhidmatan.

Begitu juga, apabila sesebuah perniagaan yang dijalankan oleh seseorang individu dan barang yang sama digunakan atau disediakan untuk kegunaan peribadi, sama ada untuk balasan atau tidak, ia adalah suatu pembekalan perkhidmatan.

- (i) Kegunaan persendirian atau peribadi

**Contoh 8:**

*Khemah Siap Enterprise adalah seorang pembekal khemah. Syarikat ini meminjamkan beberapa khemah kepada pengurusnya untuk majlis perkahwinan anaknya. Penggunaan khemah oleh pengurusnya untuk tujuan persendirian (dengan atau tanpa balasan) dianggap sebagai suatu pembekalan perkhidmatan oleh syarikat kepada pengurusnya.*

**Contoh 9:**

*Niaga Untung Sdn. Bhd. membeli sebuah kereta untuk mengangkut pekerjaanya. Salah seorang daripada pemandu syarikat telah meminjam kereta tersebut untuk kegunaan persendirian. Cukai input ke atas pembelian kereta tersebut tidak dibenarkan kerana ia adalah termasuk dalam input yang disekat di bawah CBP. Jika penggunaan persendirian melibatkan balasan, maka ia dianggap sebagai pembekalan perkhidmatan oleh syarikat. Walau bagaimanapun, jika penggunaan tanpa balasan, maka ia tidak dianggap sebagai suatu pembekalan perkhidmatan.*

**Contoh 10:**

*Meranti Perabut Enterprise adalah pemilik tunggal perniagaan perabot. Pemiliknya telah mengambil satu set perabot untuk melengkapi serambi rumahnya selama 3 bulan. Kegunaan peribadi perabot oleh*

*pemilik, sama ada untuk balasan atau tidak, dianggap sebagai pembekalan perkhidmatan oleh syarikat kepada pemiliknya.*

- (ii) Digunakan untuk tujuan selain daripada perniagaan

**Contoh 11:**

*Ladang Sawit Bhd (Ladang), sebuah syarikat perladangan kelapa sawit, menganjurkan kejohanan golf antarabangsa dan menjemput beberapa pemain antarabangsa untuk menyertai kejohanan tersebut. Syarikat menggunakan beberapa buah kereta syarikat (kesemua kenderaan ini tidak dibenarkan tuntutan kredit cukai input atas pemerolehannya) untuk mengangkut para pemain. Syarikat juga menyediakan sekretariat dengan kemudahan peralatan pejabat seperti mesin pengimbas dan mesin fotokopi. Penggunaan kereta dan peralatan pejabat tersebut dalam kes ini bukanlah untuk tujuan perniagaan.*

*Penggunaan kereta syarikat untuk tujuan selain daripada perniagaan, tanpa balasan, bukanlah suatu pembekalan perkhidmatan oleh syarikat kepada para pemain kerana kereta tersebut disekat daripada kredit cukai input. Walau bagaimanapun, penggunaan peralatan pejabat syarikat untuk tujuan selain daripada perniagaan, sama ada untuk balasan atau tidak, adalah suatu pembekalan perkhidmatan oleh syarikat kepada para pemain.*

- (iii) Disediakan untuk kegunaan orang lain tetapi tidak dilakukan dalam urusan atau penerusan perniagaan pemilik barang

**Contoh 12:**

*Endah Bina Sdn. Bhd. (Endah) membeli sebuah jentolak untuk digunakan dalam perniagaan pembinaan. Walau bagaimanapun, ia menyediakan jentolak tersebut untuk digunakan dalam perniagaan pembinaan syarikat sekutunya, Freida Construction Sdn. Bhd. (Freida). Dalam kes ini, penggunaan jentolak Endah untuk tujuan selain*



*daripada perniagaannya, sama ada untuk balasan atau tidak, adalah suatu pembekalan perkhidmatan oleh Endah kepada Freida.*

**Contoh 13:**

*Graha Teguh Sdn. Bhd. (Graha) membeli sebuah bas kilang untuk perniagaan dan kemudian meminjamkannya (dengan atau tanpa balasan) kepada syarikat sekutunya, Maju Factory Sdn. Bhd. (Maju). Pembekalan bas kilang oleh Graha kepada Maju adalah suatu pembekalan perkhidmatan walaupun bas itu digunakan untuk perniagaan Maju.*

**(e) Pembekalan perkhidmatan percuma kepada orang yang mempunyai kaitan**

Pembekalan perkhidmatan tanpa balasan oleh orang bercukai kepada orang yang mempunyai kaitan adalah suatu pembekalan perkhidmatan. Untuk maklumat lanjut mengenai “orang yang mempunyai kaitan”, sila rujuk **Panduan CBP ke atas Penilaian**.

**Contoh 14:**

*Adrian, pemilik tunggal CWY Enterprise, adalah orang berdaftar di bawah CBP. Beliau menjalankan perniagaan menyewa mesin penapisan udara. Adrian menyewakan dua unit mesin kepada adiknya, Alvin, tanpa mengenakan sebarang caj sewa.*

*Syarikat Alvin, AFT Enterprise, tidak berdaftar di bawah CBP. Memandangkan Adrian dan Alvin mempunyai kaitan, pembekalan mesin penapisan udara secara sewaan kepada AFT Enterprise tanpa balasan adalah suatu pembekalan perkhidmatan.*

**PERKARA YANG DISIFATKAN SEBAGAI BUKAN PEMBEKALAN**

40. Pada umumnya, penyediaan barang dan perkhidmatan tanpa balasan (misalnya aset perniagaan dipakai untuk kegunaan persendirian) bukanlah satu pembekalan

melainkan ia dianggap begitu. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aktiviti dengan balasan yang boleh disifatkan sebagai bukan pembekalan.

41. Aktiviti dengan balasan seperti berikut disifatkan sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan:

### **Pemindahan Usaha Berterusan**

42. Pemindahan perniagaan sebagai usaha berterusan (TOGC) bermaksud pemindahan atau penjualan perniagaan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bersama dengan aset perniagaan, daripada orang bercukai (pemindah) kepada seseorang lain (penerima pindahan) yang juga merupakan orang bercukai atau menjadi bercukai hasil daripada pemindahan itu.

43. TOGC disifatkan sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan dengan syarat penerima meneruskan jenis perniagaan yang sama dan perniagaan yang dipindahkan itu mampu beroperasi secara berasingan. Oleh itu, tiada CBP dikenakan dan dibayar ke atas pemindahan sedemikian. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan CBP ke atas TOGC**.

### **Contoh:**

*Jidin Workshop Sdn. Bhd (Jidin) yang berdaftar di bawah CBP, menjalankan perniagaan bengkel kereta dan bercadang untuk menjual perniagaan beliau kepada Terachi Auto Enterprise (Terachi) yang terlibat dalam perniagaan membaiki kereta. Pada masa ini, Terachi tidak berdaftar di bawah CBP kerana perolehan tahunan perniagaannya hanya RM300,000.00. Terachi bersetuju untuk membeli perniagaan Jidin dan menjangkakan perniagaan bengkel kereta itu akan menjana pendapatan berjumlah RM700,000.00*

*Pemindahan perniagaan bengkel kereta daripada Jidin kepada Terachi boleh disifatkan sebagai TOGC kerana Terachi akan menjadi orang bercukai hasil pemindahan tersebut dengan syarat Terachi meneruskan perniagaan bengkel kereta seperti sebelumnya. Terachi adalah layak untuk didaftarkan di bawah CBP.*

## **Kumpulan Wang Pencen, Simpanan atau Keselamatan Sosial**

44. Dana pencen ditubuhkan untuk memudahkan dan menguruskan pelaburan dana pekerja yang disumbangkan oleh majikan dan pekerja.

45. Dana simpanan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ditubuhkan untuk menyediakan manfaat persaraan bagi ahlinya, iaitu pekerja swasta dan pekerja sektor awam yang tidak berstatus pencen, melalui pengurusan simpanan mereka secara cekap dan boleh dipercayai.

46. Dana keselamatan sosial seperti yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menguruskan dan mentadbir sumbangan oleh majikan berkenaan pekerja berinsurans dan termasuk apa-apa amaun yang dibayar oleh pekerja atau bagi pihaknya.

47. Sumbangan oleh majikan dan pekerja kepada dana pencen, simpanan atau keselamatan sosial adalah disifatkan sebagai bukan pembekalan barang mahu pun pembekalan perkhidmatan di bawah CBP.

### **Contoh 1:**

*Sumbangan pencen sebanyak 17.5% daripada gaji pokok pekerja yang berpencen terdiri daripada Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) secara bulanan tidak disifatkan sebagai suatu pembekalan.*

### **Contoh 2:**

*Caruman pekerja sebanyak 11% daripada gaji bulanan untuk akaun individu dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak disifatkan sebagai suatu pembekalan.*

**Contoh 3:**

*Caruman pekerja sebanyak 0.5% daripada gaji bulanan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi Skim Kecederaan Pekerjaan tidak disifatkan sebagai suatu pembekalan.*

**Contoh 4:**

*Majikan menyumbang 1.75 peratus daripada gaji bulanan pekerja (1.25% peratus bagi Skim Kecederaan Pekerjaan dan 0.5% untuk Skim Pencen Ilat) kepada PERKESO tidak disifatkan sebagai suatu pembekalan.*

### **Pembekalan oleh Pertubuhan dan Organisasi Yang Serupa**

48. Pertubuhan dan organisasi yang serupa dirujuk sebagai mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti Akta Pertubuhan 1966, Akta Syarikat 1965, Akta Pembangunan Sukan 1997 atau mana-mana Akta Parlimen. Mereka termasuk badan yang menjana keuntungan, pertubuhan bukan keuntungan dan badan amal di Malaysia seperti Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA), Persatuan Seniman Malaysia, St John Ambulans Malaysia dan kesatuan atau persatuan perdagangan.

49. Pembekalan berikut yang disediakan oleh mana-mana pertubuhan atau organisasi serupa akan disifatkan sebagai bukan pembekalan jika:

- (a) pembekalan kepada ahlinya adalah berkaitan dengan matlamat dan objektifnya dan boleh didapati tanpa bayaran selain daripada yuran langganan keahlian dan nilai pembekalan adalah nominal;
- (b) pembekalan kepada penderma atau penaja tidak mempunyai nilai komersial.

50. Istilah 'tiada nilai komersial' untuk pembekalan barang merujuk kepada pembekalan yang:

- (a) tidak mempunyai nilai jualan semula;
- (b) dibuat khas untuk acara mengumpul dana tertentu dan tidak terdapat untuk jualan di pasaran;
- (c) mempunyai logo badan amal swasta; atau
- (d) membawa mesej penubuhan dana.

51. Manakala untuk pembekalan perkhidmatan, istilah 'tiada nilai komersial' bermaksud;

- (a) sekadar perakuan yang tidak sama dengan pengiklanan (contohnya mencetak nama penderma dalam buku program / buku risalah / kain rentang, memberi cenderahati tanda penghargaan, dan lain-lain).
- (b) tiada perjanjian bertulis atau lisan di mana syarat-syarat memberi manfaat kepada penaja (contohnya nama atau produk penaja diiklankan atau dipromosikan). Manfaat sedemikian merupakan pembekalan bercukai oleh penerima. Contoh manfaat tersebut termasuk;
  - (i) menamakan acara itu atas nama penaja;
  - (ii) memaparkan nama penaja pada baju yang dipakai oleh suatu pasukan (penerima);
  - (iii) mengiklankan nama atau produk penaja dalam buku program;
  - (iv) menyediakan kemudahan kepada penaja.
- (c) tiada kaitan dengan aktiviti perniagaannya.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP ke atas Pertubuhan dan Organisasi Serupa***.

**Contoh 1:**

*KLM adalah sebuah badan perakaunan profesional yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, 1965 dan Akta CBP 20XX. Semua ahli akan tertakluk kepada yuran tahunan. KLM menjalankan latihan dan kursus*

*untuk orang awam serta ahlinya. Yuran dikenakan untuk latihan dan kursus tetapi ahlinya layak mendapat diskaun. Sebagai salah satu cara untuk memaklumkan ahlinya tentang amalan perakaunan terkini, KLM akan mengedarkan majalah bulanan kepada mereka tanpa caj. Dalam keadaan ini, walaupun KLM membuat pembekalan barang (majalah bulanan) kepada ahlinya, ia disifatkan sebagai bukan pembekalan. Yuran tahunan yang diterima oleh KLM tidak tertakluk kepada CBP. Walau bagaimanapun, jika KLM menjalankan kursus latihan kepada ahlinya, ia adalah suatu pembekalan perkhidmatan dan tertakluk kepada CBP.*

**Contoh 2:**

*Seri Kenanga sebuah rumah anak yatim, menerima tajaan wang tunai berjumlah RM300,000.00 daripada Murah Hati Sdn. Bhd. untuk biasiswa pendidikan tinggi kepada anak yatim yang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di Malaysia. Pengetua Seri Kenanga menganjurkan satu majlis penyerahan penajaan wang tunai dan sebagai tanda penghargaan kepada penaja, sebuah plak yang berharga RM100 telah diberikan dan nama penaja dicatatkan dalam buku program. Dalam kes ini, memandangkan pemberian plak kepada penaja tidak mempunyai nilai komersial, pemberian plak disifatkan sebagai bukan pembekalan.*

**Pembekalan barang yang tidak dibenarkan Kredit Cukai Input**

52. Pada umumnya, orang bercukai dibenarkan untuk menuntut cukai input yang ditanggung ke atas pemerolehan barang dan perkhidmatan yang dibuat dalam urusan atau penerusan perniagaannya. Walau bagaimanapun, pemerolehan barang dan perkhidmatan tertentu yang disenaraikan di bawah Peraturan-Peraturan CBP 20XX tidak dibenarkan atau disekat daripada tuntutan cukai input walaupun mereka digunakan untuk tujuan perniagaan. Sebagai contoh, pembelian atau pengimportan kereta penumpang, pembayaran yuran langganan kelab, perbelanjaan yang berkaitan dengan perbelanjaan perubatan dan manfaat keluarga.

53. Sekiranya barang di bawah cukai input disekat kemudiannya dilupuskan, ianya disifatkan sebagai bukan pembekalan. Dalam kes ini, orang berdaftar tidak perlu mengenakan dan mengakaunkan CBP ke atas transaksi tersebut.

**Contoh:**

*Margosa Sdn. Bhd yang didaftarkan di bawah CBP dan beroperasi sebagai pembekal peralatan makmal. Syarikat itu membeli sebuah kereta penumpang untuk kegunaan pengarahnya dan kereta tersebut tidak dibenarkan tuntutan cukai input. Selepas kereta digunakan selama 5 tahun, syarikat itu bercadang untuk melupuskan kereta itu kepada penjual kereta terpakai. Penjualan kereta yang sebelum ini disekat daripada tuntutan cukai input adalah bukan pembekalan.*

### **Penyelesaian Indemniti Insurans**

54. Sebarang pembekalan barang di bawah penyelesaian indemniti insurans, antara syarikat insurans atau pengendali takaful dan pengambil insurans, dalam urusan menyelesaikan tuntutan di bawah polisi insurans atau kontrak takaful hendaklah disifatkan sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan.

55. Dalam kes pengambil insurans menyerahkan barang yang rosak kepada syarikat insurans dan sebagai timbalbalas pengambil insurans menerima pampasan tunai atau barang gantian, kedua-dua penyerahan barang dan pembekalan pampasan tunai atau barang gantian disifatkan sebagai bukan pembekalan. Dalam kes di mana syarikat insurans membekalkan barang gantian yang diinsuranskan bagi barang hilang, ia juga disifatkan sebagai bukan pembekalan.

**Contoh 1:**

*Apabila pengambil insurans menyerahkan keretanya yang rosak sepenuhnya kepada syarikat insurans, tiada pembekalan dibuat oleh pengambil insurans, iaitu pelupusan kereta rosak kepada syarikat insurans bukan suatu pembekalan barang atau perkhidmatan oleh pengambil insurans. Apabila syarikat insurans membekalkan pampasan wang tunai atau sebuah kereta gantian kepada pengambil*

*insurans mengikut terma kontrak insurans, syarikat insurans tidak membuat pembekalan kepada pengambil insuran.*

**Contoh 2:**

*Ramly, pengambil insurans, telah kecurian satu set kamera. Syarikat insurans beliau membeli satu set kamera baru dan membekalkan kepada Ramly sebagai penyelesaian tuntutan. Apabila syarikat insurans membekalkan set kamera gantian kepada Ramly mengikut terma kontrak insurans, syarikat insurans tidak membuat pembekalan kepada Ramly.*

**Pembekalan oleh Pejabat Kedutaan dan Konsul**

56. Sebarang pembekalan oleh kedutaan dan konsul asing hendaklah disifatkan sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan.

57. Kedutaan dan konsul asing dikawal di bawah Konvensyen Vienna. Pembekalan yang dibuat oleh mereka termasuklah pengeluaran visa, permit perjalanan dan sijil laluan sementara dan disifatkan sebagai bukan pembekalan barang mahupun pembekalan perkhidmatan.

**TEMPAT PEMBEKALAN**

58. Tempat pembekalan barang atau perkhidmatan adalah tempat di mana pembekalan dibuat atau disifatkan untuk dibuat. Pembekalan barang atau perkhidmatan akan berada dalam skop CBP dan tertakluk kepada CBP jika tempat pembekalan adalah di Malaysia. Pembekalan yang dibuat di luar Malaysia adalah disifatkan di luar skop CBP.

59. Bagi tujuan CBP, "Malaysia" ertinya wilayah-wilayah dalam Persekutuan Malaysia, perairan wilayah Malaysia dan dasar laut dan tanah bawah perairan wilayah itu, dan termasuklah mana-mana kawasan yang melangkaui had wilayah perairan Malaysia, dan dasar laut dan tanah bawah mana-mana kawasan sedemikian, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-



undang Malaysia sebagai kawasan yang terhadapnya Malaysia mempunyai hak kedaulatan bagi maksud menjelajah dan mengeksploitasi sumber semula jadi, sama adayangberupahidupanataubukanhidupan.

60. Terdapat beberapa peraturan yang berasingan untuk menentukan tempat pembekalan untuk barang dan tempat pembekalan untuk perkhidmatan.

### **Tempat Pembekalan Barang**

61. Adalah penting untuk menentukan sama ada pembekalan dibuat di Malaysia atau di luar Malaysia kerana CBP dikenakan ke atas apa-apa pembekalan bercukai yang dibuat di Malaysia. CBP tidak dikenakan ke atas pembekalan yang dibuat di luar Malaysia.

#### **(a)Tempat Pembekalan Barang Di Malaysia**

Tempat pembekalan barang adalah di Malaysia jika pembekalan itu melibatkan barang-barang yang dikeluarkan: -

- (i) dari lokasi di Malaysia ke lokasi lain di Malaysia; atau
- (ii) dari lokasi di Malaysia ke lokasi di luar Malaysia.

Perenggan 61(a)(i) merujuk kepada pembekalan tempatan barang yang dibuat di dalam Malaysia. Satu contoh ditunjukkan seperti berikut:

#### **Contoh1:**

*Tanusha Tekstil Sdn Bhd yang terletak di Kuala Lumpur menghantar beberapa tekstil kapas menggunakan perkhidmatan kurier kepada pembeli yang berada di Kuching. Tekstil diangkut menggunakan kapal terbang kargo khas dari Kuala Lumpur ke sebuah bandar di negara jiran sebelum tiba di Kuching. Tempat pembekalan adalah di Malaysia.*

Perenggan 61(a)(ii) berkaitan dengan pengeksportan barang. Apabila barang dieksport dari Malaysia, pembekalan disifatkan dibuat di Malaysia. Walau

bagaimanapun, pengeksportan barang adalah pembekalan berkadar sifar. Satu contoh ditunjukkan seperti berikut:

**Contoh2:**

*Lazat Food Sdn Bhd yang terletak di Alor Star mengeksport 50 kilogram makanan proses dengan lori kepada pembeli yang berada di Singapura. Walaupun pembekalan ini dari Malaysia ke suatu tempat di luar Malaysia, tempat pembekalan adalah di Malaysia.*

**(b) Tempat Pembekalan Barang di Luar Malaysia**

Sebaliknya, tempat pembekalan barang adalah di luar Malaysia jika pembekalan itu melibatkan barang yang dialihkan:

- (i) dari lokasi luar Malaysia ke lokasi yang lain di luar Malaysia; atau
- (ii) dari lokasi di luar Malaysia ke lokasi di Malaysia

Perenggan 61(b)(i) berkaitan dengan pembekalan barang yang dibuat di luar Malaysia. Satu contoh ditunjukkan seperti berikut:

**Contoh3:**

*Seorang pembekal makanan laut dari Malaysia yang perniagaannya terletak di Australia menjual 500 kilogram makanan laut beku dari Australia kepada Pink Lotus Restaurant yang terletak di New Zealand. Tempat pembekalan makanan laut beku adalah di luar Malaysia.*

Perenggan 61(b)(ii) berkaitan dengan pengimportan barang. Walaupun tempat pembekalan adalah di luar Malaysia, barang tersebut adalah tertakluk kepada CBP semasa pengimportan melainkan pengimportan dilakukan di bawah kemudahan penangguhan atau pelepasan. Satu contoh ditunjukkan seperti berikut:

**Contoh 4:**

*Target Hypermarket yang terletak di Malaysia, mengimport satu kontena limau mandarin daripada pembekal yang terletak di China. Pembekalan ini adalah pembekalan dari satu tempat di luar Malaysia ke satu tempat di Malaysia. Transaksi ini adalah pengimportan barang dan dengan itu, adalah tertakluk kepada CBP semasa pengimportan.*

**(c) Tempat Pembekalan Barang Dalam Pelbagai Keadaan**

- (i) Barang yang dibekalkan melalui ejen yang terletak di Malaysia

Dalam kes di mana barang dibekalkan melalui ejen yang terletak di Malaysia, pembekalan disifatkan sebagai dibekalkan oleh prinsipal dan bukan oleh ejen berkenaan. Jika barang kepunyaan prinsipal beralih dari satu tempat di luar Malaysia ke tempat lain di dalam atau di luar Malaysia, tempat pembekalan adalah di luar Malaysia. Jika barang-barang kepunyaan prinsipal beralih dari satu tempat di Malaysia ke tempat lain di dalam atau di luar Malaysia, tempat pembekalan adalah di dalam Malaysia. Sila rujuk **Panduan CBP atas Ajen**.

**Contoh 5:**

*Seorang prinsipal yang terletak di Singapura menjual produk kepada pembeli di Malaysia melalui ejen jualannya di Malaysia. Invois dikeluarkan atas nama prinsipal. Oleh itu, barang beralih dari satu tempat di luar Malaysia ke satu tempat di Malaysia dengan ejen itu bertindak bagi pihak prinsipal itu. Ini adalah pengimportan barang dan tertakluk kepada CBP jika barang tersebut tidak diberi pelepasan semasa pengimportan.*

**Contoh 6:**

*Sebuah syarikat tempatan menjual produknya kepada pembeli luar negara melalui ejen pembelian di Malaysia. Oleh itu, barang beralih dari satu tempat di Malaysia ke satu tempat di luar*

*Malaysia dengan ejen bertindak bagi pihak prinsipal di luar negara (pembeli). Ini merupakan pengeksportan barang dan adalah berkadar sifar .*

(ii) Barang yang berkaitan dengan *drop shipment*

Seseorang pengilang tol yang berada di Malaysia memproses barang kepunyaan prinsipal di luar negara. Atas arahan prinsipal luar negara, barang dihantar kepada syarikat lain di Malaysia. Tempat pembekalan disifatkan sebagai di Malaysia kerana barang terletak di Malaysia dan dihantar ke lokasi yang lain di Malaysia. Barang adalah tertakluk kepada CBP dan orang yang menghantarnya perlu mengakaunkan cukai CBP yang terlibat.

Walau bagaimanapun, di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan (ATMS), pembekalan yang dibuat oleh Pengilang Tol Diluluskan adalah diabaikan tetapi penerima barang perlu mengakaun CBP atas pembekalan yang diterima. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Panduan CBP ke atas Skim Pengilang Tol Diluluskan (ATMS)* .

**Contoh7:**

*Seorang pengilang tol diluluskan di bawah kemudahan ATMS menjalankan “drop shipment” barang yang diproses atau dirawat olehnya kepada pelanggan tempatan atas arahan prinsipalnya di luar negara. Tempat pembekalan untuk barang “drop shipment” adalah di Malaysia.*

(iii) Barang yang dibekalkan di atas kapal

Barang seperti barang jualan runcit yang dibekalkan di atas kapal mungkin melibatkan pembekalan dibuat di Malaysia atau pembekalan dibuat di luar Malaysia.

**Contoh 8:**

*Sebuah kapal pelayaran Malaysia membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal semasa pelayaran dari Pelabuhan Klang, Malaysia ke Singapura. Memandangkan pembekalan dibuat atas kapal dalam pelayaran di antara pelabuhan pelepasan (Pelabuhan Klang, Malaysia) dan pelabuhan ketibaan (Singapura), tempat pembekalan disifatkan sebagai dibuat di luar Malaysia, oleh itu pembekalan tersebut adalah di luar skop CBP.*

**Contoh 9:**

*Sebuah kapal pelayaran Malaysia membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal semasa pelayaran dari Singapura ke Pelabuhan Klang, Malaysia. Memandangkan pembekalan dibuat atas kapal dalam pelayaran di antara pelabuhan pelepasan (Singapura) dan pelabuhan ketibaan (Pelabuhan Klang), tempat pembekalan disifatkan sebagai dibuat di luar Malaysia, oleh itu pembekalan tersebut adalah diluar skop CBP.*

**Contoh 10:**

*Sebuah kapal pelayaran Malaysia membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal semasa pelayaran dari Pelabuhan Pulau Pinang ke Pelabuhan Klang, Malaysia. Tempat pembekalan barang disifatkan di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

- (iv) Barang yang dibekalkan di atas kapal terbang

Barang seperti barang jualan runcit yang dibekalkan di atas kapal terbang mungkin melibatkan pembekalan dibuat di Malaysia atau pembekalan dibuat di luar Malaysia.

**Contoh 11:**

*Terbang Airline System membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia ke Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun. Memandangkan pembekalan dibuat atas kapal terbang dalam penerbangan di antara tempat pelepasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan tempat ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun, tempat pembekalan disifatkan sebagai dibuat di luar Malaysia, oleh itu pembekalan tersebut adalah diluar skop CBP.*

**Contoh 12:**

*Flyer Airline System membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia. Memandangkan pembekalan dibuat atas kapal terbang dalam penerbangan di antara tempat pelepasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun dan tempat ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, tempat pembekalan disifatkan sebagai dibuat di luar Malaysia, oleh itu pembekalan tersebut adalah di luar skop CBP.*

**Contoh 13:**

*Laju Airline System membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, Malaysia. Tempat pembekalan barang disifatkan di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

(v) Barang yang dibekalkan di atas kereta api

Barang seperti barang jualan runcit yang dibekalkan di atas kereta api mungkin melibatkan pembekalan dibuat di Malaysia atau pembekalan dibuat di luar Malaysia.

**Contoh 14:**

*Sebuah kereta api penumpang, yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang berpangkalan di Malaysia, membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kereta api semasa dalam perjalanan melalui landasan kereta api Malaysia dari Stesen Kereta Api KL Sentral, Kuala Lumpur ke Stesen Kereta Api Butterworth, Pulau Pinang. Tempat pembekalan (atas kereta api) antara Stesen Kereta Api KL Sentral dan Stesen Kereta Api Butterworth (di Malaysia) disifatkan di Malaysia dan pembekalan barang itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Contoh 15:**

*Sebuah kereta api penumpang, yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang berpangkalan di Malaysia, membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kapal semasa dalam perjalanan melalui landasan kereta api dari Stesen Kereta Api KL Sentral, Kuala Lumpur, Malaysia ke Stesen Kereta Api Padang Besar, Perlis (di sempadan Malaysia - Thailand), dan seterusnya ke Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand melalui landasan kereta api Thailand.*

*Tempat pembekalan (atas kereta api) di antara Stesen Kereta Api K.L Sentral dan Stesen Kereta Api Padang Besar (kedu-duanya di Malaysia) adalah disifatkan di Malaysia dan pembekalan barang itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

*Tempat pembekalan (kereta api) di antara Stesen Kereta Api Padang Besar, Perlis, Malaysia dan Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand disifatkan sebagai di luar Malaysia dan pembekalan barang adalah di luar skop CBP.*

*Bagi perjalanan balik dari Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand ke Stesen Kereta Api K.L Sentral, Malaysia, layanan CBP adalah seperti berikut:*

- *Tempat pembekalan (kereta api) di antara Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand dan Stesen Kereta Api Padang Besar, Malaysia disifatkan sebagai di luar Malaysia dan pembekalan barang adalah di luar skop CBP.*
- *Tempat pembekalan (atas kereta api) di antara Stesen Kereta Api Padang Besar, Perlis dan Stesen Kereta Api K.L Sentral, Kuala Lumpur (kedua-duanya di Malaysia) adalah disifatkan di Malaysia dan pembekalan barang itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Contoh 16:**

*Eastern & Oriental Express, kereta api penumpang mewah yang dikendalikan oleh sebuah syarikat asing yang berpangkalan di Thailand, membekalkan cenderamata (sebagai barang untuk dijual secara runcit) di atas kereta api semasa dalam perjalanan dari Bangkok, Thailand ke Singapura. Sebahagian daripada perjalanan kereta api adalah melalui landasan kereta api Malaysia. Jika kereta api tidak mengambil penumpang di sepanjang jalan di Malaysia, tempat pembekalan (atas kereta api) disifatkan di luar Malaysia dan pembekalan barang adalah di luar skop CBP.*

Untuk maklumat lanjut berkaitan pembekalan barang di atas kapal, kapal terbang dan kereta api, sila rujuk **Panduan CBP ke atas Industri**



***Perkapalan, Panduan CBP ke atas Industri Penerbangan dan  
Panduan CBP ke atas Pengangkutan Penumpang.***

**Tempat Pembekalan Perkhidmatan**

62. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di negara di mana pembekal berada. Oleh itu, pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di Malaysia jika pembekal berada di Malaysia. Pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di luar Malaysia jika pembekal berada di negara lain selain Malaysia. Jika pembekal berada di Malaysia, pembekalan perkhidmatan yang disediakan olehnya adalah dalam skop CBP.

**(a) Tempat di mana Pembekal atau Penerima Perkhidmatan Berada**

- (i) Seorang pembekal perkhidmatan adalah berada di Malaysia di bawah keadaan berikut:

♣ dia mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di Malaysia dan bukan di tempat lain;

♣ dia tidak mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di mana-mana, tetapi Malaysia adalah tempat tinggal biasanya; atau

♣ dia mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di Malaysia dan juga di tempat lain dan establismen yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan tersebut adalah di Malaysia

**Contoh 1:**

*Sebaik sahaja menerima tempahan daripada pelanggan di Indonesia, ibu pejabat Kochiwa Komputer Co. di Jepun mengarahkan pejabat serantaunya di Malaysia iaitu Nexus Komputer Co. untuk membekalkan perkhidmatan*

*pengaturcaraan komputer kepada pelanggan di Indonesia. Pembekal perkhidmatan berada di Malaysia dan bukan di Jepun memandangkan establismen yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan itu adalah di Malaysia.*

**Contoh 2:**

*Sebuah syarikat Malaysia dianugerahkan kontrak di luar negara dan menubuhkan establismen perniagaannya di negara berkenaan. Perkhidmatan kontrak disediakan oleh establismen perniagaannya di luar negara itu. Tempat pembekalan perkhidmatan adalah di luar negara. Pembekal perkhidmatan adalah berada di luar Malaysia dan bukan di Malaysia memandangkan establismen yang paling berkaitan secara langsung dengan pembekalan adalah establismen perniagaannya di luar negara itu.*

(ii) Seorang penerima perkhidmatan berada dalam Malaysia jika dia mempunyai tempat tinggal biasanya di Malaysia di mana pembekalan perkhidmatan dibuat kepadanya sebagai individu dan bukan untuk tujuan perniagaan.

(iii) Jika penerima (individu atau entiti perniagaan) menerima perkhidmatan dalam urusan atau penerusan perniagaan, dia disifatkan sebagai berada di Malaysia dalam keadaan berikut:

- ♣ dia mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di Malaysia dan bukan di tempat lain;
- ♣ dia tidak mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di mana-mana, tetapi Malaysia adalah tempat tinggal biasanya;
- ♣ dia mempunyai establismen perniagaan atau establismen tetap di Malaysia dan juga di tempat lain, dan establismen di mana

perkhidmatan itu paling digunakan atau akan digunakan secara langsung adalah di Malaysia.

**Contoh 3:**

*Ibu pejabat Tax Consult di Jepun melantik sebuah syarikat perisian untuk menaik taraf sistem komputer perakaunan di pejabat serantaunya di Malaysia. Penerima perkhidmatan menaik taraf itu adalah berada di Malaysia memandangkan establismen di mana perkhidmatan yang paling digunakan secara langsung atau akan digunakan adalah pejabat serantaunya di Malaysia.*

Establismen perniagaan bermaksud tempat utama perniagaan pembekal dan ia biasanya merupakan ibu pejabat dari mana perniagaan dijalankan.

Establismen tetap adalah suatu establismen selain daripada establismen perniagaan dari mana aktiviti perniagaan dijalankan. Ia termasuk cawangan atau agensi yang melaluinya pembekal menjalankan perniagaan.

Tempat tinggal biasa merujuk kepada kategori berikut:

- untuk badan korporat, negara di mana ianya ditubuhkan mengikut undang-undang;
- untuk badan yang tidak diperbadankan, negara di mana ianya mempunyai pusat pentadbirannya; atau
- untuk individu, negara di mana dia mempunyai tempat kediaman biasa.

**Contoh 4:**

*Tasty Restaurant, sebuah kedai makanan tempatan di Malaysia, menyediakan perkhidmatan pembekalan makanan dan minuman kepada pelanggan. Pembekalan perkhidmatannya disifatkan sebagai dibuat di Malaysia. Restoran ini dimiliki oleh sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.*

**Contoh 5:**

*Sebuah firma yang terletak di Malaysia menyediakan perkhidmatan kejuruteraan berhubung dengan suatu projek pembinaan lebuh raya di Mumbai, India kepada sebuah syarikat yang terletak di India. Pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di Malaysia kerana firma itu berada di Malaysia. Memandangkan pembekalan itu dibuat dari Malaysia kepada sebuah syarikat yang berada di India, ia dianggap sebagai perkhidmatan yang dieksport dan tertakluk kepada CBP pada kadar sifar.*

**Contoh 6:**

*Firma Arkitek Edry, arkitek tempatan, melakukan projek di luar negara. Beliau merancang dan mereka bentuk projek di rumahnya di Kuala Lumpur. Memandangkan Firma Arkitek Edry berada di Malaysia, maka pembekalan perkhidmatan seni bina adalah dibuat di Malaysia. Pembekalan perkhidmatan seni bina merupakan perkhidmatan yang dieksport dan berkadar sifar.*

**Contoh 7:**

*Rasa Melissa Café adalah sebuah kedai makanan yang terletak di London, United Kingdom. Walaupun pemilik kafe, Melissa, adalah seorang warganegara Malaysia, tempat pembekalan adalah di luar Malaysia kerana establismen perniagaan beliau adalah di United Kingdom.*

**(b) Tempat Pembekalan bagi Pelbagai Perkhidmatan**

- (i) Perkhidmatanyang dibekalkan di atas kapal

**Contoh 8:**

*Sebuah kapal pelayaran Malaysia membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kapal semasa pelayaran dari Pelabuhan Klang, Malaysia ke Singapura. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di Malaysia kerana pembekal berada di*

*Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Contoh 9:**

*Sebuah kapal pelayaran Malaysia membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kapal semasa pelayaran dari Singapura ke Pelabuhan Klang, Malaysia. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Contoh 10:**

*Sebuah kapal pelayaran Malaysia membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kapal semasa pelayaran dari Pelabuhan Pulau Pinang ke Pelabuhan Klang, Malaysia. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

(ii) Perkhidmatanyang dibekalkan di atas kapal terbang

**Contoh 11:**

*Terbang Airline(M)System membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia ke Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Contoh12 :**

*Flyer Airline(M)System membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman)di atas kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Narita, Jepun ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Malaysia.*

*Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan dibuat di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

**Contoh 13:**

*Laju Airline System membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kapal terbang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor, Malaysia. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

(iii) Perkhidmatanyang dibekalkan di atas keretapi

**Contoh 14:**

*Sebuah kereta api penumpang, yang dimiliki oleh sebuah syarikat yang berpangkalan di Malaysia, membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kereta api semasa dalam perjalanan melalui landasan kereta api dari Stesen Kereta Api KL Sentral, Kuala Lumpur, Malaysia ke Stesen Kereta Api Padang Besar, Perlis (di sempadan Malaysia - Thailand), dan seterusnya ke Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand melalui landasan kereta api Thailand.*

♣ *Tempat pembekalan (atas kereta api) di antara Stesen Kereta Api K.L Sentral dan Stesen Kereta Api Padang Besar (kedua-duanya di Malaysia) adalah disifatkan di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

♣ *Tempat pembekalan (kereta api) di antara Stesen Kereta Api Padang Besar, Perlis, Malaysia dan Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand disifatkan di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.*

Bagi perjalanan balik dari Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand ke Stesen Kereta Api K.L Sentral, Malaysia, layanan CBP adalah seperti berikut:

- Tempat pembekalan (atas kereta api) di antara Stesen Kereta Api Hat Yai, Thailand dan Stesen Kereta Api Padang Besar, Malaysia disifatkan di Malaysia kerana pembekal berada di Malaysia dan pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.
- Tempat pembekalan (atas kereta api) di antara Stesen Kereta Api *Padang Besar, Perlis* dan Stesen Kereta Api *K.L Sentral, Kuala Lumpur* (kedua-duanya di Malaysia) adalah disifatkan di Malaysia dan pembekalan perkhidmatan itu adalah tertakluk kepada CBP pada kadar standard.

**Contoh 14\*:**

*Eastern & Oriental Express, kereta api penumpang mewah yang dikendalikan oleh sebuah syarikat asing yang berpangkalan di Thailand, membekalkan perkhidmatan (seperti pembekalan makanan dan minuman) di atas kereta api semasa dalam perjalanan dari Bangkok, Thailand ke Singapura. Sebahagian daripada perjalanan kereta api adalah melalui landasan kereta api Malaysia. Tempat pembekalan perkhidmatan disifatkan di luar Malaysia kerana pembekal tidak berada di Malaysia. Tempat pembekalan perkhidmatan (atas kereta api) disifatkan di luar Malaysia dan pembekalan perkhidmatan adalah di luar skop CBP.*

(iv) Perkhidmatan Telekomunikasi

**Contoh 15:**

*Tempat pembekalan perkhidmatan telekomunikasi oleh pembekal telekomunikasi adalah di mana pembekal berada. Untuk pelanggan syarikat telekomunikasi tempatan yang*

*membuat panggilan antarabangsa, tempat pembekalan perkhidmatan kepadanya adalah di Malaysia kerana pembekal perkhidmatan telekomunikasi berada di Malaysia.*

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan telekomunikasi, sila rujuk **Panduan CBP ke atas Perkhidmatan Telekomunikasi.**

(v) Perkhidmatan Pelancongan

**Contoh 16:**

*Tempat pembekalan perkhidmatan pelancongan oleh agensi pelancongan adalah di mana agensi pelancongan berada. Apabila sebuah agensi pelancongan Malaysia mengaturkan pakej pelancongan “inbound” untuk agensi pelancongan United Kingdoms, tempat pembekalan perkhidmatan pelancongan (pakej pelancongan) oleh agensi pelancongan Malaysia adalah di Malaysia kerana ia berada dalam Malaysia. Sebaliknya, apabila ia menjual pakej pelancongan “outbound” kepada pelanggan, tempat pembekalan perkhidmatan pelancongan adalah di luar Malaysia memandangkan pelancongan dijalankan di luar negara*

*Sebaliknya, apabila agensi pelancongan Malaysia yang berada di Malaysia membuat pembekalan perkhidmatan yang terdiri daripada mengaturkan pakej pelancongan “inbound” atau “outbound” kepada agensi pelancongan U.K yang berada di negara lain selain dari Malaysia dan ianya (agensi pelancongan U.K) berada di luar Malaysia semasa perkhidmatan diberikan, pembekalan tersebut adalah tertakluk kepada CBP pada kadar sifar. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Panduan CBP ke atas Industri Pelancongan.***



- (vi) Perkhidmatan yang dibekalkan oleh Artis atau Ahli Sukan

**Contoh 17:**

*Tempat pembekalan perkhidmatan yang disediakan oleh seorang artis atau ahli sukan adalah di mana dia berada. Sebagai contoh, apabila seorang artis Malaysia membuat persembahan, tempat pembekalan perkhidmatan adalah di Malaysia. Apabila dia membuat persembahan di luar negara, tempat pembekalan adalah di Malaysia kerana dia disifatkan berada di Malaysia. Walau bagaimanapun, dia membuat pembekalan perkhidmatan eksport memandangkan keseluruhan persembahannya dilakukan di luar negara. Layanan yang sama terpakai kepada ahli sukan.*

- (vii) Perkhidmatan Penyiaran

**Contoh 18:**

*Tempat pembekalan perkhidmatan penyiaran oleh syarikat penyiaran adalah di mana dia berada (belongs). Jika sebuah syarikat penyiaran Malaysia menyiarkan program televisyen, tempat pembekalan adalah di Malaysia. Apabila syarikat sekutunya di negara jiran menyiarkan program televisyen, tempat pembekalan perkhidmatan adalah di negara jiran itu.*

- (vii) Perkhidmatan yang berkaitan dengan tanah

**Contoh 19:**

*Tempat pembekalan perkhidmatan yang berhubungan dengan tanah adalah di mana pembekal berada. Contoh perkhidmatan berkaitan tanah adalah seperti berikut:*

♣ *Perkhidmatan yang dibekalkan dalam urusan pembinaan, pembinaan semula, pengubahsuaian, perobohan, pembaikan atau penyelenggaraan mana-mana bangunan.*

♣ *Perkhidmatan ejen hartanah, pelelong, arkitek, peguam, juruukur dan jurutera yang berhubungan dengan tanah, bangunan atau kerja kejuruteraan awam.*

♣ *perkhidmatan pengurusan hartanah termasuk kutipan sewa, perkiraan pembaikan dan penyelenggaraan akaun kewangan.*

*Apabila perkhidmatan yang berkaitan dengan tanah ini dibekalkan oleh seseorang yang berada di Malaysia, tempat pembekalan adalah di Malaysia. Apabila perkhidmatan dibekalkan kepada pelanggan di luar negara oleh pembekal Malaysia berhubung dengan tanah yang terletak di luar Malaysia, pembekalan masih disifatkan dibuat di Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan perkhidmatan dibekalkan berhubung dengan tanah yang terletak di luar Malaysia, pembekalan ini disifatkan sebagai perkhidmatan yang dieksport. Oleh itu, pembekal perkhidmatan perlu mengenakan CBP pada kadar sifar kepada pelanggan luar negara.*

(ix) Perkhidmatan penempatan bersama server

**Contoh 20:**

*Sebuah syarikat Malaysia membekalkan perkhidmatan penempatan bersama (co-locating ) server di Malaysia kepada Atar.sg, sebuah syarikat web hosting di Singapura. Pembekalan perkhidmatan perletakanbersama, yang termasuk peruntukan ruang sewa dan penyelenggaraan bagi server Atar.sg, adalah berkadar sifar di bawah Perintah Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 201X. Tetapi apabila pihak ketiga diambil untuk membuat kerja penyelenggaraan ke atas server*

*tersebut, pembekalan perkhidmatan oleh pihak ketiga adalah berkadar standard.*

(x) Perkhidmatan *web hosting*

**Contoh 21:**

*Merujuk kepada contoh di atas, apabila Atar.sg menggunakan servernya di Malaysia untuk membuat pembekalan perkhidmatan web hosting, tempat pembekalan adalah di Singapura kerana dia berada di Singapura walaupun servernya terletak di Malaysia. Atar.sg. membuat pembekalan perkhidmatan dari Singapura kepada pelanggannya dan pembekalannya adalah di luar skop CBP Malaysia.*

**Contoh 22:**

*Sebuah syarikat Malaysia, Men.my, menempatkan (co-locate) servernya di Singapura. Apabila dia menggunakan server tersebut untuk membuat pembekalan perkhidmatan web hosting kepada pelanggannya, tempat pembekalan adalah di Malaysia kerana dia berada di Malaysia walaupun servernya terletak di Singapura. Apabila dia membekalkan perkhidmatan web hosting kepada pelanggannya, tempat pembekalan masih di Malaysia dan pembekalan adalah berkadar standard.*

(c) **Pembekalan Perkhidmatan Diimport**

Perkhidmatan diimport merujuk pada perkhidmatan yang dibuat oleh pembekal, yang berada dalam sebuah negara selain dari Malaysia atau yang menjalankan perniagaan di luar Malaysia, kepada penerima yang berada di Malaysia dan perkhidmatan tersebut adalah digunakan di Malaysia. Sehubungan itu, pembekalan perkhidmatan diimport disifatkan sebagai suatu pembekalan yang dibuat di Malaysia oleh dan kepada penerima yang berada dalam Malaysia.

Pembekal yang tidak berada di Malaysia dan membekalkan perkhidmatan kepada pelanggan (atau penerima) di Malaysia tidak perlu mengenakan CBP. Walau bagaimanapun, pelanggan (atau penerima) yang menerima perkhidmatan diimport bagi maksud apa-apa perniagaan yang dijalankan olehnya perlu mengakaun CBP melalui mekanisme caj terbalik (reverse charge). Masa pembekalan perkhidmatan diimport adalah apabila pembekalan itu dibayar oleh penerima.

Penerima perkhidmatan disifatkan berada di Malaysia berdasarkan kewujudan establismen perniagaan atau establismen tetapnya di Malaysia. Jika penerima tidak mempunyai establismen di Malaysia, dia masih disifatkan berada di Malaysia jika tempat tinggal biasanya terletak di Malaysia. Jika dia mempunyai establismen di Malaysia dan juga di tempat lain, dia disifatkan berada di Malaysia jika perkhidmatan digunakan secara langsung atau akan digunakan dalam establismennya di Malaysia.

**Contoh 23:**

*MY Co. adalah pusat pangkalan data komputer bagi rantau ASEAN yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Sebuah syarikat luar negara (UK Co.) telah dilantik untuk menaik taraf pangkalan data MY Co. Kos menaik taraf untuk lima pejabat serantau MY Co. adalah sebanyak RM80,000 dan RM30,000 daripadanya adalah kos untuk menaik taraf pangkalan data MY Co. di Malaysia. Walaupun pembayaran dibuat oleh MY Co. yang berpangkalan di Malaysia, hanya sebanyak RM30,000 sahaja perlu dikenakan CBP manakala baki RM50,000 tidak layak dikenakan CBP kerana perkhidmatan menaik taraf dilakukan untuk pejabat serantau lain yang berada di luar Malaysia.*

**Contoh 24:**

*Stylo Bhd adalah pemborong untuk kasut 'Jenama X' di Malaysia dan Thailand. Stylo Bhd membayar royalti kepada Italy Shoes Co. (pemegang hak) pada setiap akhir tahun. Royalti yang dibayar bergantung kepada jumlah kasut yang dijual pada tahun berkenaan. Stylo Bhd membayar RM36,000 pada tahun ini untuk kasut yang dijual di kedua-dua negara, iaitu RM16,000 di Malaysia dan RM20,000 di Thailand. Jumlah perkhidmatan diimport yang perlu dikenakan CBP adalah RM16,000.00*

**Contoh 25:**

*KL Co. melantik beberapa orang pakar dari Eropah untuk rundingan berkaitan pengurusan produktiviti bagi kilang yang terletak di Kemboja. Kerja itu dilakukan di Kemboja tetapi pembayaran dibuat oleh KL Co. di Kuala Lumpur. Tiada CBP dikenakan ke atas perkhidmatan perundingan kerana perkhidmatan ini telah digunakan di luar Malaysia*

## **MASA PEMBEKALAN**

63. Masa pembekalan adalah masa apabila suatu pembekalan barang atau perkhidmatan disifatkan telah dibuat. Adalah penting untuk menentukan masa pembekalan kerana orang bercukai sepatutnya mengenakan CBP pada masa pembekalan itu dibuat. Oleh itu, dia hendaklah mengakaunkan CBP dalam tempoh bercukai di mana pembekalan tersebut berlaku melainkan dia dibenarkan untuk mengakaunkan CBP di bawah asas pembayaran (payment basis).

64. Peraturan masa pembekalan, yang dirujuk sebagai 'peringkat cukai', menetapkan masa bagi pembekalan yang disifatkan telah berlaku untuk tujuan CBP. Seorang pembekal adalah bertanggungjawab untuk mengakaunkan CBP apabila peringkat cukai telah berlaku dan mesti mengakaunkannya dalam penyata yang meliputi tempoh di mana peringkat cukai tersebut berlaku.

65. Terdapat peraturan am untuk menentukan masa pembekalan. Walau bagaimanapun, dalam kes dan keadaan tertentu, terdapat peraturan spesifik masa pembekalan untuk diguna pakai. Apabila peraturan spesifik masa pembekalan terpakai, ia akan mengatasi peraturan am.

### Peraturan Am Masa Pembekalan

66. Secara umum, peringkat asas cukai adalah apabila-


- (a) barang dipindahkan atau disediakan untuk pelanggan; atau
- (b) perkhidmatan telah dilaksanakan.

67. Masa pembekalan barang disifatkan berlaku apabila barang dipindahkan, atau jika barang tidak dipindahkan, adalah pada masa apabila barang disediakan untuk pelanggan.

#### **Contoh 1:** *Barang dipindahkan*

*Axis Laundry Sdn. Bhd telah menempah 10 unit mesin basuh dari Omni Electrical Sdn. Bhd. pada 28 Disember 2012 dan menerima penghantaran mesin basuh pada 6 Januari 2013. Peringkat asas cukai adalah 6 Januari 2013 iaitu apabila barang telah dialihkan untuk jualan.*

#### **Contoh 2:** *Barang yang disediakan*




*Pemaju Gemilang Sdn. Bhd., seorang pemaju, telah diberi kontrak untuk membina sebuah hotel untuk Boutique Hotelier Sdn. Bhd pada 1 Mac 2013. Pemaju ini telah selesai membina hotel tersebut dan membolehkan Boutique Hotelier Sdn. Bhd. mengambil hak milikan pada 31 Disember 2015. Oleh itu,*

*masa pembekalan adalah pada 31 Disember 2015 iaitu apabila hotel disediakan untuk kegunaan pelanggannya.*

68. Dalam kes pembekalan perkhidmatan, masa pembekalan adalah apabila perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan. Perkhidmatan dianggap "telah dilaksanakan" apabila kerja telah dilakukan atau disiapkan oleh pembekal perkhidmatan.

**Contoh 3 : Perkhidmatan dilaksanakan**



Feroz mempunyai sebuah firma audit. Auditan dibuat oleh firmanya ke atas Meiji & Co. pada Jun untuk tujuan penyediaan laporan audit. Auditan telah bermula pada 15 Jun 2013 dan pada 1 Julai 2013 Feroz telah menyiapkan laporan auditan dan menghantarnya kepada Meiji & Co., iaitu perkhidmatan telah dilaksanakan. Dalam kes ini, peringkat asas cukai adalah pada 1 Julai 2013, tarikh akhir auditan, iaitu masa perkhidmatan telah dilaksanakan.

### **Peraturan Spesifik Masa Pembekalan**

69. Peraturan spesifik masa pembekalan untuk keadaan tertentu adalah seperti berikut:

**(a) Invois cukai dikeluarkan atau pembayaran yang diterima sebelum peringkat asas cukai**

Jika pembekal mengeluarkan invois cukai atau menerima apa-apa bayaran sebelum masa pembekalan seperti yang nyatakan di perenggan 66 di atas, masa pembekalan untuk amaun diinvois atau pembayaran yang diterima

adalah tarikh invoice dikeluarkan atau tarikh pembayaran diterima, yang mana lebih awal.

**Contoh 1: Invoice sebelum peringkat asas cukai**

Invois cukai dikeluarkan RM10,600	Hantar alat (peringkat asas cukai)
Deposit diterima RM1,060	Baki bayaran diterima RM9,540

Syarikat A menjual dan menghantar suatu alat kepada Syarikat B pada 18 Disember 2013. Nilai alat tersebut adalah RM10,000. Bagaimanapun Syarikat A mengeluarkan invoice cukai sebanyak RM10,600 kepada Syarikat B pada 2 Oktober 2013 apabila Syarikat B membuat tempahan. Syarikat B juga membayar deposit sebanyak RM1,060 pada hari yang sama. Syarikat B membayar baki RM9,540 pada 18 Disember 2013.

Masa pembekalan bagi CBP RM400 (6/106 X RM10, 600) yang kena dibayar adalah pada 2 Oktober 2013 tanpa mengambil kira sebarang bayaran yang telah atau akan diterima oleh Syarikat A daripada Syarikat B selepas 2 Oktober 2013.

**Contoh 2: Pembayaran sebahagian sebelum peringkat asas cukai**

10 Okt '13	6 Nov '13	5 Dis '13	20 Dis '13
Tempahan diterima Sebahagian bayaran diterima RM5,000	Invois cukai dikeluarkan RM10,600	Baki bayaran diterima RM5,600	Penghantaran alat (peringkat asas cukai)


Syarikat A menjual dan menghantar suatu alat kepada Syarikat C pada 20 Disember 2013. Apabila Syarikat C membuat tempahan itu pada 10 Oktober 2013, ia membuat sebahagian bayaran sebanyak RM5,000. Nilai alat adalah RM10,000 dan CBP dikenakan sebanyak RM600.



Syarikat A mengeluarkan invoice cukai untuk jumlah keseluruhan RM10,600 pada 6 November 2013. Syarikat C kemudian membayar jumlah baki sebanyak RM5,600 kepada Syarikat A pada 5 Disember 2013.

Masa pembekalan bagi CBP RM283.00 ( $6/106 \times RM5,000$ ) yang kena bayar adalah pada 10 Oktober 2013 dan masa pembekalan bagi CBP RM317.00 ( $6/106 \times RM5,600$ ) yang kena bayar adalah pada 6 November 2013.

**Contoh 3: Pembayaran penuh sebelum peringkat asas cukai**



Syarikat A menjual dan menghantar suatu alat kepada Syarikat D pada 17 Disember 2013. Nilai alat tersebut ialah RM10,000 dan CBP yang dikenakan RM600. Syarikat A menerima RM5,000 sebagai sebahagian bayaran daripada Syarikat D pada 15 Oktober 2013 dan baki bayaran sebanyak RM5,600 pada 18 November 2013. Syarikat A mengeluarkan invoice cukai untuk jumlah keseluruhan RM10,600 (termasuk cukai CBP) pada 20 November 2013.

Masa pembekalan untuk CBP RM283.00 ( $6/106 \times RM5,000$ ) yang kena bayar adalah pada 15 Oktober 2013 dan masa pembekalan untuk CBP RM317.00 ( $6/106 \times RM5,600$ ) yang kena bayar adalah 18 November 2013.

**(b) Invois cukai yang dikeluarkan dalam tempoh 21 hari dari peringkat asas cukai**

Jika pembekal tidak menerima apa-apa bayaran sebelum peringkat asas cukai tetapi ia mengeluarkan invois cukai dalam tempoh 21 hari dari peringkat asas cukai, masa pembekalan adalah tarikh pengeluaran invois. Ini tanpa diambil kira sebarang pembayaran yang diterima oleh pembekal dalam tempoh 21 hari tersebut. Jika invois cukai tidak dikeluarkan dalam tempoh 21 hari, maka masa pembekalan akan kembali ke peringkat asas cukai.

**Contoh 4:**



*Wira Trading Sdn. Bhd. (Wira) menghantar kepada Plutonic Manufacturing Sdn. Bhd. (Plutonic) sebuah jentera bernilai RM1,000 pada 7 Mei 2013. Pada 21 Mei 2013, Plutonic membayar RM848.00 sebagai sebahagian bayaran. Wira mengeluarkan invois cukai pada 23 Mei 2013 berjumlah RM1,060 tetapi baki bayaran sebanyak RM212.00 akan dibayar kemudian.*

*Walaupun Wira menerima sebahagian bayaran lebih awal daripada pengeluaran invois cukai, masa pembekalan untuk CBP RM60 (6/106 X RM1,060) kena bayar masih pada 23 Mei 2013 kerana invois cukai telah dikeluarkan dalam tempoh 21 hari dari peringkat asas cukai.*

**Contoh 5:**

*Berhubung dengan contoh di atas, jika Wira Trading Sdn. Bhd. mengeluarkan invois pada 9 Jun 2013 (invois itu telah dikeluarkan lebih daripada 21 hari selepas peringkat asas cukai), maka masa*

*pembekalan adalah pada 7 Mei 2013 iaitu apabila jentera dihantar (dijual).*

**(c) Jualan Konsaimen**

Jika suatu pembekalan barang adalah berasaskan terma jualan atau pulangan atau seumpamanya, masa pembekalan adalah apabila konsaini (penerima) mengeluarkan penyata jualan kepada konsainor (pembekal) dengan menyatakan bahawa barang itu telah dijual, atau dua belas bulan dari tarikh barang itu diserahkan kepada konsaini, mengikut mana yang lebih awal. Menggunakan peraturan 21 hari, jika inois cukai telah dikeluarkan oleh konsainor dalam tempoh 21 hari dari tarikh konsaini mengeluarkan penyata jualan atau selepas dua belas bulan barang telah dialihkan, maka masa pembekalan adalah tarikh inois cukai tersebut.

***Contoh6:***

*Seorang konsainor membekalkan 1,000 unit barang kepada konsaini pada 1 Julai 2014. Satu penyata jualan yang diterima oleh konsainor daripada konsaini pada 2 Ogos 2014 adalah atas 100 unit sahaja. Konsainor perlu mengeluarkan suatu inois cukai dalam tempoh 21 hari dari tarikh penyata jualan tersebut.*

*Selepas 12 bulan dari 1 Julai 2014, terdapat baki 900 unit tidak dijual atau konsainor tidak menerima sebarang penyata jualan daripada konsaini, konsainor hendaklah mengeluarkan inois cukai dalam tempoh 21 hari selepas tempoh 12 bulan tersebut telah luput.*

**(c) Pelupusan Aset Perniagaan**

Bagi pemindahan atau pelupusan barang yang merupakan sebahagian daripada aset perniagaan oleh atau di bawah arahan orang yang menjalankan perniagaan, sama ada atau tidak untuk balasan, masa pembekalan adalah pada masa apabila barang itu dipindahkan atau dilupuskan, iaitu apabila barang dialihkan.

Ini termasuk situasi di mana pembekal meminjamkan sementara barangnya kepada orang lain dan orang yang meminjam menggantikan barang yang dipinjam dengan barang yang serupa kepada pembekal.

**Contoh7:**

*TF Furniture Sdn. Bhd. melupuskan dua stesen kerja (work stations) kepada syarikat sekutunya, TF Trading Sdn. Bhd. pada 17 Disember 2013. Masa pembekalan adalah pada 17 Disember 2013.*

**(e) Penggunaan aset perniagaan bukan untuk perniagaan**

Jika barang diambil sementara untuk kegunaan peribadi atau sebarang maksud selain daripada untuk tujuan perniagaan, ianya adalah suatu pembekalan perkhidmatan. Masa pembekalan adalah apabila barang tersebut diperuntukkan untuk kegunaan. Walau bagaimanapun, jika penggunaan barang bukan untuk perniagaan bersifat berterusan, masa pembekalan hendaklah pada hari terakhir tempoh bercukai dalam mana barang disediakan atau digunakan.

**Contoh8:**

*Qazem Construction Sdn. Bhd. (Qazem) yang berdaftar di bawah CBP adalah tertakluk pada tempoh bercukai bulanan. Pengurus Qazem membenarkan adiknya untuk menggunakan salah satu mesin pengorek syarikat yang telah dibeli untuk perniagaannya untuk selama 3 bulan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013. Pengurus Qazem mengambil kembali mesin pengorek itu selepas selesai digunakan oleh adiknya. Masa pembekalan adalah pada hari terakhir setiap tempoh bercukai bulanan Qazem, iaitu bagi tempoh bercukai Januari, Februari dan Mac 2013 di mana jengkaut telah digunakan oleh adiknya.*

**(f) Pemindahan tanah**

Jika berlaku pemindahan hakmilik tanah di mana keseluruhan atau sebahagian daripada balasan untuk pemindahan tanah itu dibayar secara berkala atau dari masa ke masa, masa pembekalan adalah yang mana lebih awal daripada yang berikut:

- (i) apabila sebahagian daripada balasan diterima; atau
- (ii) apabila pembekal mengeluarkan invois cukai yang berkaitan dengan pemindahan itu.

Keadaan ini terpakai untuk pemaju yang membekalkan hartanah dalam pembinaan di bawah kontrak pembayaran progresif.

**Contoh9:**

*Seorang pembeli menandatangani perjanjian untuk membeli sebuah rumah kedai yang masih dalam pembinaan. Harga jualan rumah kedai ialah RM1,000,000.00. Pembayaran itu dijadualkan secara 4 ansuran bayaran dan jumlah yang perlu dibayar adalah seperti berikut:*

Tempoh Bayaran Berjadual	Amaun
<b>Bayaran 1</b> (1 April 2013)	RM 100,000.00
<b>Bayaran 2</b> (1 Julai 2013)	RM 200,000.00
<b>Bayaran 3</b> (1 Oktober 2013)	RM 400,000.00
<b>Bayaran 4</b> (1 Januari 2014)	RM 300,000.00

*Pemaju kemudiannya mengeluarkan invois cukai pada setiap tempoh berkenaan bagi jumlah yang dijadualkan.*

*Pemaju perlu mengakaunkan CBP berdasarkan mana yang lebih awal, iaitu apabila invois cukai dikeluarkan atau apabila bayaran diterima. Sebagai contoh, jika pemaju mengeluarkan invois cukai pada 1 April 2013 bagi bayaran pertama tetapi pembeli membuat pembayaran pada 1 Mei 2013, masa pembekalan adalah pada 1 April 2013 dan pemaju perlu mengakaun CBP dalam tempoh bercukai April (pemaju tertakluk di bawah tempoh*

*bercukai bulanan).*

**(g) Pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, utiliti dan lain-lain**


Pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, gas, air, penyejukan, penghawa dingin, pengudaraan, petroleum atau produk keluaran petroleum melalui saluran paip atau sebarang bentuk tenaga termasuk elektrik disifatkan berlaku dalam keadaan di bawah, yang mana lebih awal:-

- (i) sebahagian atau pembayaran penuh diterima berkaitan dengan pembekalan; atau
- (ii) invoice cukai yang berkaitan dengan pembekalan dikeluarkan oleh pembekal.

Sehubungan ini, jika pembekal membekalkan barang atau perkhidmatan secara berterusan dan menerima bayaran berkala dari semasa ke semasa, maka masa pembekalan berdasarkan yang mana lebih awal daripada berikut:

- (i) apabila pembekal menerima sebahagian daripada bayaran; atau
- (ii) apabila pembekal mengeluarkan invoice cukai.

**Contoh 10;**



*Cakra Power Plant (Cakra) membekalkan elektrik kepada Hino Semiconductor Sdn. Bhd. (Hino) secara berterusan sejak 10 Januari 2014. Pada 27 Januari 2014, Cakra menerima RM530 daripada Hino sebagai sebahagian bayaran untuk pembekalan elektrik. Cakra kemudian mengeluarkan invoice cukai sebanyak RM1,060 pada 15 Februari 2014 bagi jumlah elektrik yang dibekalkan kepada Hino untuk tempoh 10 Januari 2014 sehingga 10 Februari 2014.*

*Masa pembekalan untuk CBP berjumlah RM30 (6/106 X RM530) yang dibayar sebagai sebahagian pembayaran adalah pada 27 Januari 2014 dan Cakra perlu mengakaun CBP dalam tempoh bercukai Januari (Hino tertakluk di bawah tempoh bercukai bulanan).*

*Masa pembekalan bagi CBP kena dibayar atas baki RM530 seperti yang dinyatakan dalam invois cukai adalah pada 15 Februari 2014 dan Cakra perlu mengakaun CBP dalam tempoh bercukai Februari.*

**(h) Barang pembekal dalam milikan penerima**


Jika pembekal membekalkan barang di bawah suatu perjanjian di mana pemilikan hanya akan berlaku pada tarikh penggunaannya oleh penerima dan balasan tidak ditetapkan sehingga tarikh itu, maka masa pembekalan adalah tarikh terawal daripada yang berikut:

- (i) tarikh apabila penerima menggunakan barang;
- (ii) tarikh apabila invois cukai dikeluarkan oleh pembekal; atau
- (iii) tarikh apabila pembayaran diterima oleh pembekal.

Jika pembekal mengeluarkan invois cukai dalam tempoh 21 hari dari tarikh penggunaan oleh penerima dan tiada pembayaran diterima sebelum tarikh penggunaan barang, maka tarikh apabila invois cukai dikeluarkan menjadi masa sebenar pembekalan.

Dalam kes di mana terdapat perjanjian melibatkan invois sendiri di antara pembekal dan penerima, peringkat asas cukai adalah pada tarikh penggunaan. Jika penerima mengeluarkan invois sendiri dalam tempoh 21 hari dari tarikh penggunaan olehnya, maka masa sebenar pembekalan ialah pada tarikh apabila invois sendiri dikeluarkan.

**Contoh 11:**



Penghantaran litar  
bersepadu


Penggunaan litar  
bersepadu

Pengeluaran invoice cukai  
atas penggunaan  
litar bersepadu

*Qtronic Enterprise (Qtronic) menghantar 100,000 unit litar bersepadu kepada gudang Uno Manufacturing Sdn. Bhd. (Uno) pada 1 Jun, 2014. Di bawah kontrak yang ditandatangani antara kedua-dua syarikat, pemilikan litar bersepadu hanya akan dipindahkan setiap kali Uno menggunakan litar bersepadu untuk mengilang telefon bimbit. Kedua-dua Qtronic dan Uno berdaftar di bawah CBP.*


*Pada 1 Julai 2014, Uno menggunakan 30,000 unit litar bersepadu untuk mengeluarkan telefon bimbit dan menghantar satu penyata penggunaan ke Qtronic. Qtronic kemudian mengeluarkan invoice cukai pada 15 Julai 2014 kepada Uno untuk nilai 30,000 unit litar bersepadu yang digunakan. Memandangkan invoice cukai dikeluarkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh pengagihan, tarikh apabila invoice cukai dikeluarkan menjadi masa pembekalan.*

**Contoh 12 :**



*Sehubung dengan contoh di atas, jika Qtronic mengeluarkan invoice cukai pada 23hb Julai 2014 iaitu melebihi 21 hari dari tarikh penggunaan, maka masa pembekalan adalah pada tarikh penggunaan.*

**Contoh 13:**






*Tebakau Farm Enterprise (Tebakau) membekalkan daun tembakau kering kepada Alpine Cigarette Manufacturing Sdn. Bhd. (Alpine) melalui perjanjian pengeluaran inuis sendiri untuk tahun 2014. Perjanjian itu ditandatangani di antara kedua-dua syarikat kerana pembekal (Tebakau) tidak boleh menentukan harga daun tembakau kering yang sentiasa berubah-ubah mengikut permintaan pasaran.*

*Tebakau menghantar 100,000 tan daun tembakau kering kepada gudang Alpine pada 1 April 2014. Di bawah kontrak yang ditandatangani antara kedua-dua syarikat, pemilikan daun tembakau kering hanya akan berpindah kepada Alpine setiap kali Alpine menggunakan daun tembakau kering tersebut untuk mengilang rokok. Kedua-dua Tebakau dan Alpine berdaftar di bawah CBP.*

*Pada 1 Mei 2014, Alpine menggunakan 45,000 tan daun tembakau kering untuk mengilang rokok dan mengeluarkan inuis sendiri bagi kuantiti yang digunakan kepada Tebakau pada 13 Mei, 2014. Memandangkan inuis cukai dikeluarkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh penggunaan, tarikh apabila inuis sendiri dikeluarkan menjadi masa pembekalan.*

**Contoh 14 :**



*Sehubungan dengan contoh di atas, jika Alpine mengeluarkan inuis sendiri pada 23 Mei, 2014 iaitu melebihi 21 hari dari tarikh penggunaan, maka masa pembekalan adalah tarikh penggunaan.*

**(i) Penahanan pembayaran**

Kadang-kala, pelanggan menahan sebahagian daripada pembayaran kepada pembekal sehingga syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak dipenuhi. Jumlah ditahan diistilahkan sebagai bayaran penahanan dan tidak tertakluk kepada CBP sehingga wang itu dibayar kepada pembekal.

Untuk penahanan apa-apa bahagian balasan oleh seseorang sementara menunggu sebahagian atau keseluruhan syarat kontrak dipenuhi oleh pembekal, masa pembekalan itu adalah yang mana lebih awal daripada berikut:

- (i) apabila pembayaran diterima; atau
- (ii) apabila invoice cukai dikeluarkan oleh pembekal.

**Contoh 15:**

*Andaikan sebuah projek berharga RM84,000 dan kontraktor telah menyiapkan projek. Dalam pengeluaran invoice, kontraktor perlu mengaunkan CBP seperti berikut:*

*Nilai kerja pembinaan: RM84,000*

*Tolak: Amaun penahan: RM2,200*

*Amaun kena bayar: RM81,800*

*CBP: RM4,908 (RM 81,800 x 6%)*

*CBP perlu dibayar adalah RM4,908.00*

*Kontraktor perlu mengaunkan CBP apabila dia menerima amaun penahanan, atau apabila dia mengeluarkan invoice cukai yang berkaitan dengan amaun penahanan, yang mana lebih awal. Amaun CBP yang perludiakaun adalah RM132 (RM2,200 x 6%).*

**(j) Pembekalan perkhidmatan berterusan**

Apabila pembekal membekalkan perkhidmatan secara berterusan untuk balasan, dan menerima keseluruhan atau sebahagian daripada bayaran berkala atau dari semasa ke semasa, masa pembekalan bagi perkhidmatan tersebut adalah yang mana lebih awal daripada berikut:

- (i) apabila invois cukai dikeluarkan; atau
- (ii) apabila pembayaran diterima.

Jika terdapat suatu perjanjian di mana pembayaran berturut-turut dibuat secara berkala oleh pelanggan, pembekal boleh mengeluarkan suatu invois cukai pada permulaan sebarang tempoh sehingga satu tahun (tidak melebihi dua belas bulan) untuk meliputi semua bayaran yang kena dibayar di tempoh itu.

Bagi setiap bayaran, pembekal hendaklah menyatakan dalam invois cukai:

- (i) tarikh pembayaran itu kena dibayar;
- (ii) jumlah kena dibayar tidak termasuk CBP;
- (iii) kadar CBP; dan
- (iv) amaun CBP dikenakan.

Di bawah perkiraan tersebut, masa pembekalan ditentukan oleh yang berikut, yang mana lebih awal:

- (i) tarikh bayaran kena dibayar; atau
- (ii) tarikh pembekal menerima bayaran.

Walau bagaimanapun, jika terdapat perubahan cukai yang dikenakan pada atau sebelum apa-apa tarikh pembayaran seperti yang dinyatakan dalam invois cukai, iaitu terdapat perubahan dalam kadar cukai ke atas pembekalan, maka invois tersebut akan terhenti menjadi invois cukai berkenaan dengan pembekalan tersebut yang tertakluk kepada pembayaran selepas perubahan itu.

**Contoh 16:**

Urus Jaya Sdn. Bhd. (Urus) menyediakan perkhidmatan sewa gudang kepada Kenawi Engineering Sdn. Bhd. (Kenawi) pada setiap suku tahun melalui perjanjian sewa. Urus mengeluarkan inuis cukai bagi perkhidmatan sewa untuk suku pertama 2013 pada 2 Januari 2013 seperti yang ditunjukkan di bawah:

Urus Jaya Sdn. Bhd. Kepong

CBP No. : 00788

Date : 2 Januari 2013

**Inuis Cukai** No : 2465

Kepada: Kenawi Engineering Sdn. Bhd.

Kepong Industrial Area, Kepong

<b>Tempoh Sewa / Tarikh pembayaran kena dibuat</b>	<b>Amaun Sewa</b>	<b>Kadar CBP</b>	<b>CBP kena dibayar</b>
Januari (5 <sup>th</sup> Februari 2013)	RM2,000	6%	RM120
Februari (5 <sup>th</sup> Mac 2013)	RM2,000	6%	RM120
Mac (5 <sup>th</sup> April 2013)	RM2,000	6%	RM120

(i) Jika Kenawi membayar amaun sewa RM6,000 bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2013 mengikut tarikh pembayaran yang dinyatakan dalam inuis cukai, masa pembekalan bagi perkhidmatan sewa adalah tarikh pembayaran kena dibuat bagi setiap bulan, iaitu pada 5<sup>th</sup> Februari 2013, 5<sup>th</sup> Mar 2013 and 5<sup>th</sup> April 2013 masing-masing.

(ii) Jika Kenawi membayar amaun sewa RM6,000 pada tarikh-tarikh yang lebih awal bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2013 pada 1 February 2013, 2 March 2013 and 3 April 2013 masing-masing, masa pembekalan adalah tarikh bayaran diterima oleh Urus, iaitu pada 1 Februari 2013, 2 Mar 2013 and 3 April 2013 masing-masing.

*(iii) Jika Kenawi membayar amaun sewa RM6,000 pada tarikh-tarikh yang lebih lambat bagi bulan Januari, Februari dan Mac 2013 pada 10 Februari 2013, 12 Mar 2013 and 15 April 2013 masing-masing, masa pembekalan bagi perkhidmatan sewa adalah masih tarikh pembayaran kena dibuat bagi setiap bulan, iaitu pada 5<sup>th</sup> Februari 2013, 5<sup>th</sup> Mar 2013 and 5<sup>th</sup> April 2013 masing-masing.*

**(k) Bayaran berkaitan dengan harta intelek**

Masa pembekalan perkhidmatan itu adalah yang mana lebih awal daripada berikut:

- (i) apabila pembayaran berkenaan penggunaan manfaat perkhidmatan diterima, atau
- (ii) apabila invoice cukai dikeluarkan oleh pembekal.

Walau bagaimanapun, jika pembekalan selanjutnya berlaku dan balasan pembekalan tidak dapat dipastikan pada masa apabila perkhidmatan dibekalkan, masa pembekalan adalah yang mana lebih awal daripada berikut:

- (i) apabila bayaran diterima; atau
- (ii) apabila invoice cukai dikeluarkan.

**Contoh17:**

*Cutie Garment Sdn. Bhd. (Cutie) telah menandatangani kontrak dengan ComelKu Baby Clothing Bhd. (ComelKu) yang memberikan hak kepada Cutie untuk menggunakan paten ComelKu pada pakaian Cutie selama dua tahun (2014-2015). Sebagai balasan, Cutie telah membayar RM106,000 yuran bulanan paten kepada ComelKu dengan royalti tambahan sebanyak 2% atas perolehan tahunan Cutie. Mengandaikan perolehan tahunan Cutie untuk 2014 dan 2015 adalah RM100 juta dan RM150 juta masing-masing, royalti masing-masing sebanyak RM2 juta dan RM3 juta akan dibayar kepada Comelku.*

*ComelKu perlu mengakaunkan CBP ke atas yuran paten RM106,000 setiap kali ia mengeluarkan invoice cukai untuk Cutie seperti berikut:*

$$CBP \text{ kena bayar} = 6/106 \times RM106,000 = RM6,000$$

*ComelKu juga perlu mengakaunkan CBP ke atas bayaran royalti tambahan sebanyak RM2 juta (2% perolehan tahun 2014) dan RM3 juta (2% perolehan tahun 2015) apabila ia menerima bayaran royalti daripada Cutie seperti berikut:*

$$CBP \text{ kena bayar} = 6/106 \times RM2,000,000 = RM113,207.55$$

$$CBP \text{ kena bayar} = 6/106 \times RM3,000,000 = RM169,811.32$$

#### **(I) Pembekalan berterusan barang dan perkhidmatan di antara orang yang berkaitan**

Dalam kes di mana:

- (a) pembekalan melibatkan pemindahan tanah; pembekalan perkhidmatan telekomunikasi, utiliti, dan lain-lain, pembekalan perkhidmatan yang berterusan atau pembayaran yang berkaitan dengan harta intelek;
- (b) invoice cukai tidak dikeluarkan;
- (c) pembayaran tidak diterima;
- (d) pembekal dan penerima berkaitan antara satu sama lain; dan
- (e) penerima tidak dibenarkan untuk menuntut cukai input sepenuhnya atau sebahagiannya ke atas pembekalan.

pembekalan tersebut disifatkan sebagai dibekalkan berasingan dan berturut-turut pada akhir tempoh 3 bulan selepas pembekalan bermula dan selepas itu, pada akhir setiap tempoh 3 bulan berikutnya.

#### **Contoh18:**

*Syarikat Air Bersih Bhd., syarikat utiliti air yang berdaftar di bawah CBP,*

*membekalkan air kepada anak syarikatnya, Hayat Insuran, pembekal insurans hayat yang dikecualikan. Mereka berkaitan antara satu sama lain dan Hayat Insuran, sebagai pembekal yang dikecualikan, tidak dibenarkan menuntut cukai input yang ditanggung daripada perolehan air. Pembekalan air tersebut bermula pada 12 Januari 2014.*

*Jika invois tidak dikeluarkan dan tiada pembayaran diterima ke atas pembekalan, masa pembekalan air adalah:*

- *11<sup>th</sup> April 2014 - (antara 12<sup>th</sup> Januari 2014 – 11<sup>th</sup> April 2014)*
- *11<sup>th</sup> Julai 2014 - (antara 12<sup>th</sup> April 2014 – 11<sup>th</sup> Julai 2014),*
- *11<sup>th</sup> Oktober 2014 - (between 12<sup>th</sup> Julai 2014 – 11<sup>th</sup> Oktober 2014)*

*dan seterusnya.*

#### **(m) Pembekalan dalam industri pembinaan**

Dalam industri pembinaan, barang dan perkhidmatan yang dibekalkan dalam urusan pembinaan, perobohan, pengubahan, pembaikan, atau penyelenggaraan bangunan atau sebarang kerja kejuruteraan di bawah kontrak yang mungkin atau tidak mungkin memerlukan pengeluaran sijil perakuan kerja.

Masa pembekalan ialah:

- (i) Dalam kes sijil perakuan kerja tidak diperlukan, pembekalan disifatkan sebagai berlaku pada masa, yang mana lebih awal antara berikut:
  - apabila pembayaran diterima oleh pembekal yang mana balasan untuk kontrak adalah dalam bentuk wang sepenuhnya; atau
  - apabila invois cukai dikeluarkan.

**Contoh 19:**

*Tiada pengeluaran sijil perakuan kerja.*

*Andaikan Xena Co. tertakluk pada tempoh bercukai bulanan dan dia tidak menerima apa-apa bayaran. Jika Xena Co. mengeluarkan invoice cukai pada 15 Jun 2013, masa pembekalan adalah pada 15 Jun 2013.*

*Walau bagaimanapun, jika Xena Co menerima bayaran pada 23 Julai 2013, masa pembekalan adalah pada 23 Julai 2013.*

(ii) Dalam kes sijil perakuan kerja diperlukan, pembekalan disifatkan sebagai berlaku pada masa, yang mana lebih awal antara berikut:

- apabila pembayaran diterima oleh pembekal yang mana balasan bagi kontrak adalah dalam bentuk wang sepenuhnya;
- apabila invoice cukai dikeluarkan; atau
- apabila sijil perakuan kerja dikeluarkan, jika tiada invoice cukai telah dikeluarkan dalam tempoh 21 hari selepas tarikh pengeluaran sijil.

**Contoh 20:**

*Pengeluaran sijil perakuan kerja.*

*Jika sijil perakuan kerja dikeluarkan pada 12 Jun 2013 dan tiada pembayaran diterima sebelum pengeluaran sijil itu, dan invoice dikeluarkan selepas 21 hari, iaitu pada 9 Julai 2013, masa pembekalan adalah 12<sup>th</sup> Jun 2013. Walau bagaimanapun, jika invoice itu dikeluarkan pada 2 Julai 2013 (dalam tempoh 21 hari dari tarikh pengeluaran sijil perakuan kerja), masa pembekalan adalah 2 Julai 2013.*

(n) Mesin atau peranti yang beroperasi menggunakan syiling dan lain-lain



Masa pembekalan untuk pembekalan yang dibuat melalui mesin atau peranti beroperasi menggunakan syiling dan sebagainya, contohnya mesin layan diri dan mesin hiburan, adalah pada tarikh kutipan diambil dari mesin atau peranti.

**(o) Pembekalan pertaruhan dan perjudian**

Pembekalan perkhidmatan yang dibuat oleh orang yang dilesenkan atau diluluskan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang melibatkan pertaruhan, lumba kuda (*sweepstakes*), loteri, mesin perjudian atau permainan perjudian (*game of chance*) disifatkan sebagai berlaku pada masa berikut:

- i. di mana terdapat pembekalan perkhidmatan yang melibatkan ramalan nombor, loteri dan permainan perjudian (*game of chance*), masa pembekalan adalah apabila nombor dicabut;
- ii. di mana terdapat pembekalan perkhidmatan melibatkan lumba kuda (*sweepstakes*), masa pembekalan adalah apabila perlumbaan berlaku;
- iii. dimana terdapat pembekalan perkhidmatan oleh mesin perjudian, masa pembekalan adalah apabila kutipan diambil dari mesin, atau pada masa transaksi direkodkan oleh mesin;
- iv. dimana terdapat pembekalan perkhidmatan melibatkan pertaruhan dalam kasino, masa pembekalan adalah pada hari terakhir dalam tempoh bercukai (akhir bulan berkenaan) di mana pembekalan berlaku.

**(p) Pelepasan barang terpakai (*Margin Scheme*)**

Apabila orang yang berdaftar di bawah CBP membekalkan barang terpakai di bawah *Margin Scheme*, pembekalannya disifatkan berlaku pada masa, yang

mana lebih awal antara berikut:

- (a) apabila barang dialihkan atau disediakan;
- (b) apabila invoice dikeluarkan; atau
- (c) apabila pembayaran diterima.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP ke atas Pelepasan Barang Terpakai (Margin Scheme)***.

**(q) Perkhidmatan Diimport**

Seseorang yang mengimport perkhidmatan untuk tujuan perniagaannya dikehendaki mengakaunkan CBP melalui mekanisme caj kebalikan. Masa pembekalan bagi perkhidmatan yang diimport adalah apabila pembayaran dibuat ke atas pembekalan tersebut.

**(r) Pembekalan Barang di bawah Skim Penggudangan**

Pembayaran CBP atas barang import yang dimasukkan ke dalam gudang berlesen di bawah Skim Penggudangan adalah digantung. CBP atas barang import yang dibekalkan antara gudang-gudang berlesen tersebut adalah juga digantung.

Apabila barang yang diimport dibekalkan melalui banyak pihak di dalam gudang, pembekalan itu diabaikan kecuali untuk pembekalan terakhir sebelum ianya dikeluarkan dari skim penggudangan. Pembekalan terakhir disifatkan berlaku di peringkat duti, iaitu masa ianya dikeluarkan dari skim penggudangan.

Oleh itu, bagi barang yang dikeluarkan dari gudang berlesen, CBP dikenakan pada masa ianya dikeluarkan dari skim. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP Ke atas Skim Penggudangan***.

**(s) Pembekalan di bawah Skim Pengilang Tol Diluluskan**

Seseorang yang berada di Malaysia dan menerima barang yang dirawat atau diproses daripada pengilang tol (atas arahan prinsipal di luar negara) perlu mengakaunkan dan membayar CBP seolah-olah dia sendiri telah membekalkan dan memperolehi barang tersebut di Malaysia dalam urusan atau penerusan perniagaannya dan seolah-olah pembekalan tersebut adalah pembekalan bercukai.

Masa pembekalan bagi barang yang dirawat atau diproses di bawah skim ini adalah pada masa, yang mana lebih awal antara berikut:

- (i) apabila pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu dibuat kepada prinsipal di luar negara; atau
- (i) apabila orang yang diberi kelulusan untuk menerima apa-apa barang dirawat atau diproses, menerima invois daripada prinsipal di luar negara berkaitan dengan pembekalan itu.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP Ke atas Skim Pengilang Tol Diluluskan.***

#### **(t)Pembekalan di bawah Skim Tukang Emas Diluluskan**

Tukang emas diluluskan yang menerima pembekalan barang yang ditetapkan (logam berharga yang ketulenannya tidak kurang dari 99.9% untuk emas, 99.9% untuk perak dan 99.5% untuk platinum) daripada pembekal perlu mengakaunkan dan membayar CBP seolah-olah dia sendiri telah membekalkan dan memperolehi barang tersebut di Malaysia dalam urusan atau penerusan perniagaan dan seolah-olah pembekalan barang yang ditetapkan adalah pembekalan bercukai.

Masa pembekalan barang yang ditetapkan di bawah skim ini adalah pada masa, yang mana lebih awal antara berikut:

- (i) apabila pembayaran berkenaan dengan pembekalan itu dibuat; atau

- (ii) apabila tukang emas diluluskan menerima suatu invoice yang berkaitan dengan pembekalan itu.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP Ke atas Skim Tukang Emas Diluluskan.***

**(u) Masa pembekalan yang khusus**

Masa pembekalan yang khusus adalah masa spesifik pembekalan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Kastam bagi membenarkan orang bercukai membuat permohonan untuk mengubah peraturan am masa pembekalan. Sebarang kelulusan ke atas masa spesifik pembekalan hanya terpakai ke atas pemohon. Kemudahan ini diberikan sekiranya pematuhan ke atas peraturan am akan menyebabkan kesukaran kepada orang bercukai tersebut.

## **NILAI PEMBEKALAN BARANG ATAU PERKHIDMATAN**

70. Nilai pembekalan adalah nilai di mana CBP dikenakan. Amaun CBP dikenakan adalah nilai tersebut didarabkan dengan kadar cukai.

71. Nilai pembekalan adalah bersamaan dengan balasan ditolakkan dengan cukai yang dikenakan. Balasan pembekalan bergantung kepada pertukaran yang diberikan untuk pembekalan. Balasan mungkin dalam bentuk pembayaran berbentuk wang atau barang, atau dalam bentuk kedua-dua wang dan barang.

72. Untuk pembekalan barang, nilai adalah termasuk duti eksais yang dibayar atau perlu dibayar, mana yang berkenaan. Dalam kes barang yang diimport, nilai adalah termasuk duti kastam dan duti eksais yang dibayar atau akan dibayar, mana yang berkenaan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk ***Panduan CBP ke atas Penilaian.***

## **PEMBEKALAN MERENTASI PERUBAHAN KADAR ATAU DISKRIPSI**

73. Pembekalan barang dan perkhidmatan dikatakan merentasi (spanning) apabila berlaku perubahan kadar cukai atau diskripsi dalam urusan pembekalan.

74. Perubahan diskripsi merujuk kepada situasi berikut:

- (a) status pembekalan berubah dari berkadar sifar kepada berkadar standard, atau sebaliknya; atau
- (b) status pembekalan berubah dari pembekalan bercukai kepada pembekalan dikecualikan, atau sebaliknya.

75. Masa pembekalan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 11 Akta adalah terpakai kepada pembekalan merentasi perubahan dalam kadar cukai atau diskripsi. Bagi pembekalan ini, pembekal perlu mengenakan CBP berdasarkan kadar atau diskripsi lama. Cukai yang dikenakan adalah ke atas yang mana lebih tinggi di antara amaun berikut:

- (a) apa-apa pembayaran yang diterima; atau
- (b) nilai pembekalan dibuat

sebelum tarikh perubahan dalam kadar atau diskripsi.

**Contoh 1:** *Perubahan dalam diskripsi*

*Jumlah kontrak pembekalan: RM100,000*

*Pembayaran diterima sebelum tarikh perubahan : RM60,000*

*Nilai pembekalan yang dibuat sebelum tarikh perubahan : RM35,000*

*Perubahan diskripsi daripada berkadar standard (6%) kepada berkadar sifar.*

*Memandangkan pembayaran diterima adalah lebih tinggi daripada nilai pembekalan yang dibuat sebelum tarikh perubahan, CBP 6% hendaklah dikenakan ke atas RM60,000. Tiada CBP dikenakan ke atas perbezaan RM100,000 dan RM60,000 iaitu RM40,000 (berkadar sifar).*

**Contoh 2:** *Perubahan dalam kadar CBP*

*Jumlah kontrak pembekalan: RM100,000*

*Pembayaran diterima sebelum tarikh perubahan : RM50,000*

Nilai pembekalan yang dibuat sebelum tarikh perubahan : RM70,000

Perubahan kadar cukai daripada 6% kepada 7%.

Memandangkan nilai pembekalan yang dibuat adalah lebih tinggi daripada pembayaran diterima sebelum tarikh perubahan, CBP 6% hendaklah dikenakan ke atas RM70,000 dan CBP 7% dikenakan ke atas perbezaan RM100,000 dan RM70,000 iaitu RM30,000.

Jadual 1 meringkaskan layanan CBP bagi pelbagai keadaan di mana pembekalan akan merentasi (*spanning*) apabila berlaku perubahan kadar cukai atau perubahan diskripsi

**Jadual 1:** Layanan CBP ke atas Pembekalan Merentasi Perubahan Kadar atau Diskripsi

PERUBAHAN DALAM	SEBELUM	SELEPAS	LAYANAN
Kadar cukai daripada 6% kepada 7%; atau Diskripsi daripada kadar standard kepada kadar sifar	(i) Bayaran penuh diterima	(i) Barang dialihkan sepenuhnya	Pembekalan sepenuhnya adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard
	(ii) Barang dialihkan sepenuhnya	(ii) Bayaran penuh diterima	
	(iii) Bayaran penuh diterima dan barang dialihkan sebahagiannya	(iii) Barang dialihkan sebahagiannya	
	(iv) Barang dialihkan	(iv) Bayaran penuh diterima dan	Barang dialihkan sebahagiannya sebelum tarikh

	sebahagiannya	barang dialihkan sebahagiannya	perubahan adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard; dan kadar baru** iaitu 7% atau kadar sifar dikenakan ke atas nilai perbezaan
	(v) Barang dialihkan sepenuhnya dan bayaran sebahagian diterima	(v) Bayaran sebahagian diterima	Pembekalan sepenuhnya adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard
	(vi) Bayaran sebahagian diterima	(vi) Barang dialihkan sepenuhnya dan bayaran sebahagian diterima	Bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard dan kadar baru** iaitu 7% atau kadar sifar dikenakan ke atas nilai perbezaan
	(vii) Bayaran sebahagian diterima	(vii) Bayaran sebahagian diterima	Bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard; dan kadar baru** iaitu 7% atau kadar sifar dikenakan ke atas nilai perbezaan

	(viii) Bayaran sebahagian diterima	(viii) Barang dialihkan sebahagiannya	Bayaran sebahagian yang diterima sebelum tarikh perubahan adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard; dan kadar baru** iaitu 7% atau kadar sifar dikenakan ke atas nilai perbezaan
	(ix) Barang dialihkan sebahagiannya	(ix) Bayaran sebahagian diterima	Barang dialihkan sebahagiannya sebelum tarikh perubahan adalah tertakluk kepada kadar lama* iaitu 6% atau kadar standard; dan kadar baru** iaitu 7% atau kadar sifar dikenakan ke atas nilai perbezaan
	(x) Barang dialihkan sebahagiannya	(x) Barang dialihkan sebahagiannya	Barang dialihkan sebahagian nya sebelum tarikh perubahan adalah tertakluk kepada kadar lama* 6% atau kadar standard; dan kadar baru** iaitu 7% atau kadar sifar dikenakan ke atas nilai perbezaan

\*“ kadar cukai lama “ ertinya kadar cukai yang terpakai sebelum tarikh perubahan kadar cukai atau perubahan deskripsi berkuatkuasa.

\*\*“ kadar cukai baru “ ertinya kadar cukai yang terpakai pada tarikh perubahan kadar cukai atau perubahan deskripsi berkuatkuasa.

## MAKLUMBALAS ATAU KOMEN



76. Sebarang maklumbalas atau komen adalah sangat dihargai. Sila emel maklumbalas atau komen anda kepada Encik Mohd Hisham B. Mohd Nor ([m\\_hisham.nor@customs.gov.my](mailto:m_hisham.nor@customs.gov.my)) atau Encik Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi ([izmeer.msohaimi@customs.gov.my](mailto:izmeer.msohaimi@customs.gov.my)).

#### **MAKLUMAT LANJUT MENGENAI CBP**

77. Maklumat lanjut untuk membantu anda memahami CBP dengan lebih mendalam boleh diperolehi dari: -

- (a) Laman Web CBP : [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my)
- (b) Hotline GST : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :
  - Tel : 03-7806 7200 /1-300-88-8500
  - Faks : 03-7806 7599
  - Emel : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)